قليتا بروني
PELITA BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"NABI Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam keluar pada hari Aidilfitri, lalu Baginda melakukan Solat Hari Raya sebanyak dua rakaat dan tidak melakukan solat yang lain sama ada sebelum atau selepasnya".
- Hadis daripada Ibn 'Abbas Radiallahuanhuma, Riwayat al-Bukhari (945)

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.34 SUBUH 4.44 SYURUK 6.06 DUHA 6.30 ZUHUR 12.18 ASAR 3.39 MAGHRIB 6.27 ISYAK 7.40
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 59 | 15 MEI 2024 / 1445 ذوالقعدة 6 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU PERCUMA

# DPMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, pagi tadi berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah yang akan menamatkan perkhidmatan.

>> Muka 3



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah yang akan menamatkan perkhidmatan.**

## Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan : 21 - 23 Mei

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 13 Mei. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi akan diadakan selama tiga hari berturut-turut, iaitu pada Selasa malam Rabu; Rabu malam Khamis; dan Khamis malam Jumaat, 13, 14 dan 15 Zulkaedah 1445H bersamaan 21, 22 dan 23 Mei 2024M bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, bermula jam 7.30 malam.

Peserta qari yang akan bertanding di Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M ialah Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki; Awang Haji Mohammad bin Ali; Haji Awang Muhammad Fikri bin Haji Awang Metussin; Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya; Awang Haji Hazwan bin Haji Salim; dan Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri.

>> Muka 3

# Seruan, panggilan suci menunaikan haji nikmat Allah yang berharga

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

**JERUDONG**, Selasa, 14 Mei. - Setiap tahun pendaftaran menunaikan ibadat haji semakin bertambah dan Alhamdulillah ini terbukti, kesedaran masyarakat Islam di negara kita untuk menanam azam dan usaha bagi mencapai hasrat menunaikan ibadat haji sebagai Rukun Islam yang kelima.

Tahniah juga atas usaha Jabatan Urusan Haji melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah kerana setiap tahun memberikan Program Kursus Asas Haji dan Umrah kepada orang ramai dengan tujuan menyebarluaskan ilmu manasik haji dan memberikan kesedaran kepada mereka tentang kefarduan ibadat haji ke atas mereka yang berkemampuan menyegerakannya.

Demikian ucapan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bersama Bakal Jemaah Haji bertempat di Dewan Bankuet BRIDEX, pagi tadi.

>> Muka 4

# Kementerian Pertahanan hulur sumbangan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin

Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman

**BERAKAS,** Selasa, 14 Mei. - Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 hari ini menerima sejumlah BND78,203 sumbangan daripada Kementerian Pertahanan.

Sumbangan tersebut diterima oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad pada majlis yang berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Penyerahan sumbangan derma daripada Kementerian Pertahanan itu disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof. Sumbangan berkenaan adalah hasil kutipan daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



HLEP : Tingkatkan pemahaman fungsi pentadbiran, pengurusan penjagaan kesihatan Muka 6




MOU kukuhkan kerjasama maritim DPS, MMASB Muka 7



85 Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA hadiri PMB Muka 12



Warisan

PENTINGNYA melestarikan kembali permainan tradisional Muka 20

PELITA BRUNEI

# Kesungguhan, pengorbanan anggota bomba, penyelamat amat dihargai

**Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil
'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee
Ajma'een,
Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera**

**ALHAMDULILLAH**, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia dan rahmat-Nya jua kita dapat hadir dan berkumpul di Upacara Perbarisan Memperingati Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) yang Ke-64 bagi Tahun 2024 yang jatuh setiap 1 Januari.

Pada hari ini, adalah juga memperingati Hari Bomba Sedunia (World Fighter Day) yang jatuh pada setiap 4 Mei setiap tahun. Sambutan ini adalah sebagai simbol pengiktirafan terhadap komitmen dan pengorbanan anggota bomba dalam menangani insiden kecemasan.

Peramba / saya dengan tulus Ikhlas mengucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun Penubuhan JBP yang Ke-64 kepada semua pegawai, anggota dan kakitangan JBP dan berdoa semoga warga JBP sentiasa dalam perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala, terhindar dari segala bencana dan musibah.

Bidang tugas dan tanggungjawab JBP, saban hari dilihat semakin meluas serta mencabar yang memerlukan anggotanya untuk sentiasa bersiap sedia menempuh apa jua jenis halangan dan cabaran. Selain memadam, mencegah dan mengawal kebakaran, tugas dan tanggungjawab JBP juga adalah untuk menyelamat nyawa dan harta benda sama ada insiden berkenaan berskala domestik atau berskala industri. Malah anggota bomba juga sering dikerahkan untuk menyelamat penduduk di negara ini dari gangguan segala jenis haiwan sama ada liar atau peliharaan, pokok tumbang, tanah susur dan sebagainya.

Melihat kepada luasnya bidang tugas yang digalas oleh pasukan bomba, sudah setentunya memerlukan kepakaran dalam bidang-bidang yang tertentu antaranya dalam memadam kebakaran sama ada kebakaran rumah, hutan, dan kenderaan. Manakala kepakaran dalam menyelamat pula memerlukan anggota bomba mahir dalam bidang seperti menyelam, mencari dan menyelamat, membuat penyiasatan dan penganalisisan ke atas maklumat yang diperolehi selepas terjadinya sebarang insiden.

Selain itu, mengetahui akan perkembangan industri di negara ini juga, seperti perkembangan industri hiliran, sudah setentunya mempunyai risiko yang seharusnya telah diambil kira (*calculated risk*). Oleh itu, Pasukan JBP hendaklah mempersiapkan aset-aset serta para anggotanya dalam pelbagai kemahiran seperti pengendalian peralatan dan mempunyai teknik tertentu di dalam menangani insiden seperti tatacara mengendali bahan kimia, evakuasi dan sebagainya.

Di sinilah peramba / saya menyarankan pihak pengurusan JBP untuk menyediakan dan sentiasa me*review* Competency Framework, demi memastikan jabatan mempunyai anggota-anggota yang berkemahiran dan berpengalaman termasuk keperluan untuk menerapkan penggunaan teknologi terkini dalam menjalan tugas seharian.

Alhamdulillah, peramba / saya difahamkan bahawa JBP sedang dalam proses mengemas kini program latihan bagi menaik taraf keupayaan anggotanya dengan berpandukan kepada *competency framework* yang disediakan. JBP hendaklah sentiasa memastikan setiap pegawai dan anggota bomba diberikan kemahiran yang diperlukan dan bersesuaian mengikut pengkhususan masing-masing bagi membolehkan mereka menjalankan tugasan dengan efisien dan efektif serta jabatan hendaklah memastikan tidak seorang pun yang 'tercicir' dari diberikan peluang meningkatkan kemahiran diri.

Peramba / saya difahamkan bahawa seramai 52 orang pegawai bomba dari pelbagai peringkat telah dihantar untuk menghadiri Kursus Rota Commander Course (RCC) dan Section Commander Course (SCC) sejak tahun 2001 di Singapore Civil Defence Force (SCDF). Ini adalah sejajar dengan termeterainya Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara JBP, Negara Brunei Darussalam dengan Singapore Civil Defence Force SCDF pada 5 September 2022. Perjanjian ini adalah dihasratkan untuk memperluaskan lagi kemahiran anggota bomba dalam mencari dan menyelamat mahupun dalam pengurusan bencana.

Peramba / saya juga berharap melalui MoU yang berkaitan dengan bencana di antara Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan Brunei (NDMC) dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara, Malaysia (NADMA) Malaysia yang telah ditandatangani pada 5 April 2021 iaitu melalui Special Malaysian Disaster Assistance and Rescue Team (SMART) akan dapat membantu JBP Brunei untuk mendapatkan pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang sekali gus membolehkan anggota bomba untuk dikerahkan dalam apa jua misi membantu negara-negara serantau dan antarabangsa khususnya yang dilanda bencana, ini termasuk aset-aset yang dimiliki oleh JBP juga akan dapat diperakui oleh badan antarabangsa.

>> Muka 5



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berucap pada Majlis Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) yang Ke-64 Tahun, pada Selasa, 7 Mei 2024 yang berlangsung di Padang Kawad Ibu Pejabat JBP, Daerah Brunei dan Muara.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| Mei MASIHI | HARI | Zulkaedah HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15 | RABU | 6 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.39 | 6.27 | 7.40 |
| 16 | KHAMIS | 7 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 17 | JUMAAT | 8 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 18 | SABTU | 9 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 19 | AHAD | 10 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 20 | ISNIN | 11 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.41 | 6.28 | 7.42 |
| 21 | SELASA | 12 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.41 | 6.28 | 7.42 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 27 °C | 33 27 °C | 33 27 °C |
| Pekan Bangar | 33 27 °C | 33 27 °C | 33 27 °C |
| Pekan Tutong | 33 27 °C | 33 27 °C | 33 27 °C |
| Kuala Belait | 33 27 °C | 33 27 °C | 33 27 °C |

Wallahualam Bissawab

www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

15 MEI 2024

### Jururawat : Kunci komuniti lebih sihat

**BIDANG** kejururawatan merupakan satu profesion sangat mulia yang perlu kita lindungi, hormati dan hargai malah bidang tersebut adalah tulang belakang kepada penjagaan kesihatan yang telah banyak berkembang, daripada memberi perkhidmatan *bedside nursing care* kepada jenis tugas-tugas yang lebih kepada *highly technical* dan lebih ke depan.

Jururawat adalah kunci kepada komuniti yang lebih sihat, masyarakat yang responsif dan ekonomi yang berkembang maju. Di Negara Brunei Darussalam, Hari Jururawat Antarabangsa dan Hari Bidan Antarabangsa digabungkan dan diraikan serentak pada setiap 12 Mei dan ia dinamakan sebagai Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa atau International Nursing and Midwifery Day (IDM).

Tema Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa pada tahun ini disediakan oleh International Council of Nurses (ICN) dan dipilih bagi menekankan tentang pelaburan dalam sektor kejururawatan yang mampu mempengaruhi dan membawa manfaat kepada ekonomi dan masyarakat secara amnya.

Dalam perutusan sempena sambutan tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menjelaskan bahawa terdapat beberapa tindakan dasar telah disarankan oleh Piagam ICN untuk perubahan (The International Council of Nurses' Charter for Change) bagi menjadikan jururawat dan bidan dilindungi serta dihargai.

Antaranya ialah melindungi dan melabur dalam profesion kejururawatan untuk membina semula sistem kesihatan yang boleh mencapai matlamat pembangunan mampan dan liputan kesihatan sejagat bagi meningkatkan kesihatan global serta segera menangani dan meningkatkan sokongan untuk kesihatan dan kesejahteraan jururawat dengan memastikan keadaan kerja yang selamat dan sihat serta menghormati hak mereka.

Seterusnya, membangunkan, melaksanakan dan membiayai rancangan tenaga kerja kejururawatan dengan mengambil kira objektif pembekalan bakal jururawat yang mencukupi.

Selain itu, melabur dalam program pendidikan kejururawatan yang berkualiti tinggi dan bertauliah untuk menyediakan lebih ramai jururawat baharu dan memajukan pembangunan kerjaya sedia ada jururawat serta membolehkan jururawat bekerja dengan sepenuhnya mengikut skop amalan kejururawatan dengan cara mengukuhkan dan memodenkan peraturan serta melabur dalam *advanced nursing practice* dan model penjagaan yang diterajui jururawat.

Akhir sekali, mengiktiraf dan menghargai kemahiran, pengetahuan, sifat serta kepakaran jururawat dan melibatkan persatuan kejururawatan kebangsaan secara aktif sebagai rakan kongsi profesional dan penyampai suara kejururawatan yang berpengalaman dan dipercayai dalam semua aspek dasar penjagaan kesihatan, sosial dan kepimpinan. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**



pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتکن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# DPMM berkenan menerima mengadap

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 11 Oktober 2021. Majlis tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezaan, di sini.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah yang akan menamatkan perkhidmatan.**

# KUNJUNGAN HORMAT FOKUS MEMPERKUKUH PELBAGAI BIDANG KERJASAMA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas





**YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menerima kunjungan hormat daripada Vice Chairman of the Standing Committee of the Yunnan Provincial People's Congress of the People's Republic of China, Tuan Yang Terutama Mr. Li Xiaosan (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 Mei. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hari ini menerima kunjungan hormat daripada Vice Chairman of the Standing Committee of the Yunnan Provincial People's Congress of the People's Republic of China, Tuan Yang Terutama Mr. Li Xiaosan berserta rombongan seramai lima delegasi dari Yunnan Provincial People's Congress.

Rombongan berkenaan turut disertai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Dr. Xiao Jianguo. Turut hadir semasa kunjungan hormat berkenaan ialah beberapa orang Ahli MMN. Kunjungan hormat berkenaan menandakan hubungan mesra dan persahabatan yang terjalin sejak lamanya antara kedua-dua buah negara. Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN telah menyatakan jalinan persahabatan dan diplomatik yang telah ditubuhkan sejak 1991 telah memperkukuh pelbagai bidang kerjasama antara kedua-dua buah negara antaranya dalam bidang perdagangan, pelaburan, pertanian, pendidikan, pelancongan dan hubungan *people-to-people* yang merupakan antara aspek yang penting. Antara lain tambah Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN, kedua-dua belah pihak juga membincangkan secara mendalam mengenai sektor pelancongan dan ekonomi sebagai bidang-bidang yang berpotensi untuk dikembangkan dengan lebih meluas lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN juga turut menyatakan bahawa Republik Rakyat China memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara sebagai salah satu pelabur utama dan memperluaskan perdagangan.

Dalam mengongsikan hala tuju NBD, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN telah mengongsikan bahawa NBD sentiasa mengekalkan keamanan dan kestabilan, serta usaha berterusan untuk mempelbagaikan ekonomi agar tidak bergantung kepada minyak dan gas.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama Mr. Li Xiaosan menyatakan bahawa Republik Rakyat China sentiasa menyokong negara-negara sahabat untuk berkembang dengan lebih jauh lagi melalui bidang-bidang kerjasama.

Kedua-dua belah pihak juga membincangkan mengenai sistem perundangan dewan masing-masing perihal fungsi dan peranan dewan sebagai saluran utama kepada rakyat.

Di samping itu, kedua-dua pihak berharap untuk memperkukuh lagi kerjasama dan hubungan antara kedua-dua dewan melalui pertukaran lawatan pada masa yang terdekat.

# Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan : 21 - 23 Mei

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Manakala peserta qariah yang akan bertanding pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M ialah Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri; Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki; Dr. Dayang Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abd. Rahman; Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat; Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd. Rajid; dan Dayang Nur Amal Atiqah@Aida binti Haji Sulaiman.

Dengan tema 'Al-Quran Pedomanku', musabaqah pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd, dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Semoga kita semua akan beroleh syafaat Al-Quran dan pengajaran-Nya serta rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.



# Seruan, panggilan suci menunaikan haji nikmat Allah yang berharga



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap pada Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bersama Bakal Jemaah Haji bertempat di Dewan Bankuet BRIDEX.

>> Muka 1

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala jelas Yang Berhormat, dalam Al-Quran Surah Ali-Imran, ayat 97 yang bermaksud ; "*Mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah. Barang siapa mengingkari (kewajiban haji), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan suatu apapun) dari semesta alam*".

Pada musim haji tahun ini, Yang Berhormat difahamkan sebanyak tujuh buah syarikat pengendali perkhidmatan haji dan umrah beroperasi mengendalikan Pakej Haji dan Umrah mengikut harga-harga yang telah di tawarkan.

"Saya berharap syarikat-syarikat yang beroperasi mengendalikan pakej haji ini akan memberikan perkhidmatan yang terbaik dan kepuasan kepada jemaah negara di Tanah Suci nanti," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga ingin mengucapkan rasa syukur dan terima kasih yang tak terhingga kepada Kerajaan Arab Saudi dan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi atas usaha yang dilakukan dan kerjasama berterusan.

Dalam kesempatan itu, Yang Berhormat juga memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berterima kasih kepada semua warga Jabatan Urusan Haji selaku yang dipertanggungjawabkan dalam pengurusan hal ehwal urusan haji dan umrah negara kita atas kegigihan bertungkus-lumus merancang, merunding melaksanakan pengendalian urusan ibadat haji jemaah negara kita.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Bakal jemaah sekalian kata Yang Berhormat, seruan atau pangilan suci Allah Subhanahu Wata'ala yang biskita terima ini ialah sebagaimana disebutkannya dalam ayat 27, Surah Al-Haj yang bermaksud ; "*(Wahai Ibrahim), serulah manusia untuk (mengerjakan) haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan mengendarai unta kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh*".

Ujar Yang Berhormat lagi, maka jelas bahawa seruan atau panggilan suci yang sampai kepada kita untuk menunaikan ibadat haji itu adalah nikmat Allah yang amat berharga dan wajib kita penuhi dan syukuri.

"Maka bakal jemaah haji yang terpilih menjadi tetamu Allah pada tahun ini, Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan nikmat-Nya kepada biskita untuk mengerjakan ibadat haji dan wajiblah mensyukuri nikmat itu dengan menghargai peluang beribadat haji sebaik-baiknya, tidak mensia-siakannya, tidak mencuai-cuaikannya hingga merosakkannya.

"Itulah tanda syukur biskita kepada Allah atas limpah kurnia nikmat-Nya menjadikan biskita sebahagian daripada jemaah menjadi tetamu-Nya tahun 1445 Hijrah ini," ujar Yang Berhormat lagi.

# MOHON PERLINDUNGAN, KESELAMATAN UNTUK BAKAL HAJI

**JERUDONG**, Selasa, 14 Mei. - Seramai 1,000 bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam akan menunaikan ibadat haji ke Tanah Suci pada Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Sehubungan itu, pagi tadi diadakan Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bersama Bakal Jemaah Haji bertempat di Dewan Bankuet BRIDEX, di sini.

Di samping bertujuan untuk meraikan bakal jemaah haji negara, majlis tersebut juga adalah sebagai wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim.

Majlis adalah juga untuk memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar semua bakal jemaah haji sentiasa mendapat perlindungan dan keselamatan serta dipermudahkan segala urusan sepanjang berada di Tanah Suci.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin.

Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bersama Bakal Jemaah Haji Tahun 1445H / 2024M dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Bimbingan Haji.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Al Buraithin; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh.

Turut hadir, pengurus-pengurus daripada tujuh buah syarikat pengendali Pakej Haji dan Umrah bagi Musim Haji Tahun 1445H / 2024M.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bersama Bakal Jemaah Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

# AstraZeneca tarik balik vaksin COVID-19, Vaxzevria

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 14 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan susulan daripada laporan di akhbar-akhbar dan media mengenai penarikan balik kebenaran pemasaran (*market authorisation*) vaksin COVID-19, Vaxzevria keluaran jenama AstraZeneca di negara-negara Eropah.

Penarikan balik kebenaran pemasaran vaksin COVID-19, Vaxzevria di negara-negara tersebut oleh pengilang global, AstraZeneca yang dipetik daripada laporan akhbar dan media adalah atas permintaan pengilang AstraZeneca sendiri, yang mana adalah berdasarkan terdapatnya penurunan permintaan untuk jenama vaksin COVID-19, Vaxzevria memandangkan vaksin tersebut hanya mengandungi *variant* asal (*ancestral*) berbanding terdapatnya vaksin-vaksin yang lebih terkini di pasaran yang dapat memberikan perlindungan yang lebih baik terhadap COVID-19 mengikut *variant* virus yang sedang beredar pada masa ini.

Merujuk kepada laman sesawang European Medicines Agency (EMA), penarikan balik tersebut adalah di atas permintaan pemegang kebenaran pemasaran, iaitu AstraZeneca AB yang telah memaklumkan suruhanjaya berkenaan tentang keputusannya untuk menghentikan pemasaran produk secara kekal atas sebab-sebab komersil.

Vaksin COVID-19, Vaxzevria yang dikeluarkan oleh AstraZeneca adalah salah satu vaksin yang diberi kebenaran oleh Pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui kebenaran khas (Emergency Use Authorisation) semasa situasi pandemik COVID-19.

Vaksin tersebut digunakan dalam Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19 di NBD pada 2021.

Kebenaran khas (Emergency Use Authorisation) ini telah mansuh pada Julai 2022 dan tidak pernah lagi diperbaharui dan seterusnya tidak lagi ada stok vaksin tersebut di negara ini.

Kementerian Kesihatan akan terus menjalankan pemantauan secara berterusan mengenai produk ubat dan vaksin yang dipasarkan di negara ini bagi menjaga keselamatan dan kesejahteraan orang ramai.

Untuk makluman dan pertanyaan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Darussalam 123.



# KEMENTERIAN PERTAHANAN HULUR SUMBANGAN TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN




YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II menyerahkan sumbangan derma Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 daripada Kementerian Pertahanan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

**>> Muka 1**

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari dan pegawai-pegawai kanan daripada KKBS dan Kementerian Pertahanan.

Tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah dilanjutkan selama tiga bulan lagi, iaitu sehingga 18 Julai 2024 bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk meneruskan aktiviti-aktiviti amal dan sumbangan derma kepada rakyat Palestin di Gaza.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih (100 peratus) disumbangkan kepada tabung berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian sahaja daripada hasil kutipan bersih yang diperoleh daripada mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan pelekat-pelekat (*sticker*) Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara.

Di samping itu, orang ramai juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, JAPEM, Bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**




## HALUAN

**>> Muka 2**

Dalam hasrat untuk mendedahkan anggota JBP di peringkat antarabangsa, adalah difahamkan bahawa beberapa latihan dan pertandingan di peringkat serantau di mana pada tahun 2023, anggota JBP bersama pihak (NDMC) telah mengikuti latihan bencana peringkat serantau iaitu ASEAN Regional Disaster Exercise (ARDEX-2023) di Yogyakarta, Indonesia.

Manakala pertandingan dalam bidang kemahiran pula, beberapa anggota JBP telah mengikuti pertandingan Singapore Global Firefighter and Paramedic Challenge (SGFPC2023) yang juga telah disertai oleh beberapa negara ASEAN dan juga Australia.

Mengetahui akan pelbagai cabaran dan dugaan yang pegawai dan anggota bomba harungi, JBP perlulah bergerak seiring dengan perkembangan semasa terutama dalam perlaksanaan tugas dengan menerapkan penggunaan teknologi agar perlaksanaan operasi dan pengerahan aset serta jentera JBP lebih terarah dan berpandukan kepada maklumat yang tepat.

Dalam hubungan ini, kementerian sedang meneroka untuk membangun National Emergency Response System (NERS). Sistem ini nanti akan menerapkan penggunaan Artificial Intelligence yang boleh membantu JBP malah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dalam menangani satu-satu insiden berpandukan kepada *crowd sourcing*.

Selain itu, penggunaan teknologi lain seperti drone boleh membantu dalam peroperasian JBP yang mana ia telah terbukti dan memudahkan pengerahan aset dan anggota seperti operasi pemadaman kebakaran hutan dan juga operasi penyelamat semasa berlakunya banjir.

Peramba / saya menyambut baik usaha JBP dalam memberikan pengetahuan dan persiapan awal kepada orang awam termasuk di peringkat akar umbi melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta institusi-institusi pendidikan dalam menangani insiden kebakaran melalui program-program seperti Kursus Life Saver 995, lawatan ke balai-balai, Kursus Fire Marshal dan Latihan Kebakaran Bangunan.

Perangkaan sejak tiga tahun kebelakangan iaitu pada tahun 2021 sehingga 2023 sahaja, seramai 58,846 orang telah mengikuti Community Outreach Programme dan seramai 8,199 orang telah diiktiraf sebagai Fire Marshal dan Life Saver 995. Peramba / saya berharap agar JBP ini akan terus menerus menjalankan kerja berpasukan sama ada di peringkat jabatan malah di peringkat komunti dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Selain itu, peramba / saya juga mengambil maklum mengenai inisiatif JBP dalam mempersiapkan penduduk kampung dalam membantu menangani sebarang insiden kebakaran sebagai *first responder* dengan menyediakan peralatan-peralatan pemadaman api yang ditempatkan di bawah jagaan dan kawalan Ketua-ketua Kampung atau Penghulu-penghulu Mukim.

Setakat ini JBP telah membekalkan peralatan seperti hos dan *nozzle* kepada beberapa buah mukim dan insyaaAllah, JBP akan melatih dan membekalkan kemudahan yang sama ke semua mukim-mukim yang lainnya secara berperingkat. Dengan tersedianya peralatan pemadam api ini setentunya akan membolehkan orang-orang kampung yang terlatih untuk mempraktikkan kebolehan mereka dan menjadi *first responder* dalam menangani sebarang insiden kebakaran sebelum tibanya jentera-jentera bomba.

Saya menyeru kepada penduduk kampung dan mukim untuk sama-sama menjaga harta benda kerajaan seperti pili-pili bomba yang pada masa ini dalam fasa pembaikan di mana aset-aset ini sangat diperlukan dalam membantu JBP terutama dalam operasi memadam kebakaran hutan, harta benda dan sebagainya.

Peramba / saya difahamkan antara kampung / mukim yang telah dibekalkan dengan peralatan pemadam api adalah Kampung Menunggol (Mukim Kota Batu), Kampung Merangking (Mukim Bukit Sawat), Rumah Panjang Mendaram (Mukim Labi), Rumah Panjang Kampung Semabat (Mukim Bokok), Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B'.

Pada bulan Mac 2024 yang lalu, negara tidak terkecuali dari mengalami musim panas dan kering yang telah mengakibatkan kebakaran hutan dan rumput. Peramba / saya difahamkan bahawa pada suku pertama tahun 2024 sahaja, JBP telah merekodkan sebanyak 814 panggilan berkaitan dengan kebakaran hutan dan rumput, melibatkan kawasan seluas 584 hektar berbanding tahun lepas sebanyak 512 panggilan sepanjang tahun.

Kesungguhan dan pengorbanan para anggota bomba dan penyelamat dalam menghadapi dan menangani insiden kebakaran hutan dan rumput baru-baru ini lebih-lebih lagi ia terjadi dalam bulan Ramadan adalah sangat dihargai. Ketabahan abiskita semua dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab tanpa mengira masa dan waktu demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk negara ini adalah sangat-sangat dihargai. Terima kasih peramba / saya ucapkan di atas pengorbanan yang telah diberikan.

Di kesempatan ini juga, peramba / saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dari pelbagai pihak dalam kalangan agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, persatuan bukan kerajaan dan mahupun orang ramai dalam memastikan keberkesanan operasi memadam kebakaran hutan dan rumput dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Agensi-Agensi yang dimaksudkan adalah NDMC, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi operasi *aerial monitoring* dan *fire fighting* dengan menggunakan *water bombing*, Pasukan Polis Diraja Brunei bagi bantuan kawalan lalu lintas, Jabatan Kerja Raya dengan bantuan pengerahan jentera tangki air dan jentera berat (*excavator*) bagi tujuan penggalian perparitan, Jabatan Daerah-Daerah dan Bomba Brunei Shell Petroleum (BSP) bagi bantuan tangki air (*water tank*) dan logistik lain yang disumbangkan.

Pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation ini telah menunjukkan kesepaduan rakyat dan penduduk di negara ini dalam operasi bersama memadam kebakaran dan begitu juga dalam kalangan persatuan bukan kerajaan dan orang ramai yang telah memberikan sokongan dan dukungan kepada anggota *frontliner* dalam menghadapi situasi genting, menjadi pembakar semangat kepada pegawai dan anggota JBP yang berada di lapangan untuk melaksanakan tugasan mereka.

Selain memperkasa keupayaan masyarakat dalam menangani insiden kebakaran, peramba / saya juga dimaklumkan mengenai inisiatif JBP yang telah dan secara berterusan akan memberikan taklimat ke kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, pihak swasta mengenai dengan keperluan untuk memastikan keselamatan bangunan bagi mematuhi Akta Keselamatan Kebakaran 2022 (Fire Safety Act 2022) dan Building Guidelines and Regulations (BGR) dan seterusnya mendapatkan Fire Certificate.

Di peringkat serantau pula, peramba / saya mengambil maklum bahawa JBP telah mengadakan Latihan Table-Top Exercise bersama dengan JBP Malaysia dalam menangani insiden kebakaran rentas sempadan pada bulan Januari 2024. Latihan seperti ini sudah setentunya dapat mengukuhkan kerjasama melalui koordinasi pemberian dan penerimaan bantuan keupayaan sumber tenaga manusia, jentera dan kelengkapan di antara kedua-dua buah negara jika insiden kebakaran hutan rentas sempadan berlaku.

Dengan kerjasama dari agensi-agensi yang berkepentingan, penghasilan SOP rentas sempadan perlu direalisasikan bagi kemudahan dan ketangkasan respons petindak kedua-dua buah negara di samping meneruskan latihan berupa Command Post Exercise (CPX) dan Field Training Exercise (FTX) sebagai langkah dan proses penghasilan serta uji cuba SOP rentas sempadan ini.

Tidak dinafikan, pegawai dan anggota bomba negara ini juga telah menunjukkan keupayaan dan kesiapsiagaan mereka dalam berkhidmat dan berbakti kepada negara. JBP perlu sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki perkhidmatan yang diberikan dalam merealisasikan hasrat dan aspirasi penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamat yang dinamik dan progresif.

Sebelum mengakhiri ucapan, peramba / saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pegawai dan anggota JBP sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan yang Ke-64. Dengan sikap dedikasi setiap pegawai dan anggota tanpa mengenal masa dan penat lelah dan dengan niat yang Ikhlas kerana Allah dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara, peramba / saya yakin jabatan ini akan mampu melaksanakan dan mencapai visi dan misinya.

Marilah kita bersama-sama berdoa agar semua pegawai dan anggota bomba dapat menjalankan tugas dengan selamat, dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala daripada segala mala petaka dan bencana, serta terus maju dan meningkatkan keupayaan mereka dalam semua bidang untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan awam di Negara Brunei Darussalam.

Kepada anggota bomba yang telah kembali ke rahmatullah, marilah kita sedekahkan Surah Al-Fatihah dengan doa dipanjatkan semoga roh mereka dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para syuhada dan solehin. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

*Sekian.*

*Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# KUKUHKAN KUALITI PENJAGAAN PESAKIT, SISTEM KESIHATAN



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada Majlis Pembukaan Program Eksekutif Kepimpinan Penjagaan Kesihatan (The Healthcare Leadership Executive Programme - HLEP).**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**GADONG,** Isnin, 13 Mei. - Tugas mengimbangi keperluan dalam menyediakan penjagaan yang berkualiti tinggi dengan keperluan untuk mengawal kos dan menjalani proses-proses birokrasi merupakan salah satu cabaran utama dalam industri penjagaan kesihatan hari ini.

Ia memerlukan para pemimpin yang bukan sahaja berwawasan tetapi juga pragmatik, bijak dan mampu bertahan.

Berucap semasa Majlis Pembukaan Program Eksekutif Kepimpinan Penjagaan Kesihatan (The Healthcare Leadership Executive Programme - HLEP) yang berlangsung di Dewan Songket 1, Tingkat 4, Rizqun International Hotel, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menekankan kepentingan untuk tidak mengabaikan komponen manusia dalam kepimpinan penjagaan kesihatan, memandangkan menjaga pesakit memupuk pasukan penjagaan kesihatan serta budaya belas kasihan dan kerjasama adalah sangat penting.

Yang Berhormat seterusnya berkata, pemimpin perlu menghadapi cabaran secara berterusan dengan menerajui inisiatif yang mengutamakan kesejahteraan kedua-dua pesakit dan penyedia perkhidmatan serta bekerja tanpa jemu untuk mewujudkan persekitaran agar semua orang boleh berkembang maju.

"Sebagai pemimpin penjagaan kesihatan, kita mempunyai keistimewaan dan tanggungjawab untuk membentuk masa depan penjagaan kesihatan untuk membayangkan semula sistem, dalam menyokong perubahan dan memperkasa pekerja barisan hadapan dalam memberikan penjagaan optimal.

"Dengan itu, program kepimpinan penjagaan kesihatan yang dibangunkan diharap akan dapat memberi pengetahuan dan maklumat yang diperlukan untuk mengharungi cabaran kompleks penjagaan kesihatan moden dengan keyakinan.

"Ia juga bertujuan untuk memberi peserta kemahiran yang diperlukan dan melahirkan generasi baharu pemimpin yang akan mempengaruhi masa depan penjagaan kesihatan," tambah Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, di tengah-tengah cabaran berkenaan terdapat peluang yang tidak terbatas untuk inovasi, kerjasama dan transformasi.

Yang Berhormat seterusnya menggesa agar para peserta mengambil peluang untuk bertanya soalan, mencari pemahaman dan mencabar kerana melalui semangat penyelidikan dan kerjasama berkenaan, kita akan menemui penyelesaian baharu, memecahkan halangan dan mendorong perubahan positif dalam landskap penjagaan kesihatan.

"Justeru, program berkenaan dihasrat akan dapat melengkapkan para peserta dengan kemahiran yang diperlukan dan melahirkan generasi baharu pemimpin yang akan mempengaruhi masa depan penjagaan kesihatan," ujar Yang Berhormat lagi.

# HLEP : Tingkatkan pemahaman fungsi pentadbiran, pengurusan penjagaan kesihatan



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa sesi bergambar ramai.**

**GADONG**, Isnin, 13 Mei. - Program Eksekutif Kepimpinan Penjagaan Kesihatan (The Healthcare Leadership Executive Programme - HLEP) yang merupakan sebuah program kerjasama di antara Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam dan Singapore Health Service Private Limited (SingHealth), Singapura adalah merupakan program kepimpinan berstruktur yang terdiri daripada komponen pengurusan dan kepimpinan yang tertumpu terutamanya kepada industri penjagaan kesihatan.



Program berkenaan bertujuan untuk melengkapkan pemimpin yang berpotensi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pemimpin terunggul serta meningkatkan pemahaman peserta tentang fungsi pentadbiran dan pengurusan dalam sebuah organisasi penjagaan kesihatan.

Sehubungan dengan itu, hadir bagi melancarkan program yang berlangsung di Dewan Songket 1, Tingkat 4, Rizqun International Hotel, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Terdahulu Majlis Pelancaran HLEP didahului dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin yang antara lain berkata program berkenaan adalah satu program kepimpinan berstruktur yang direka bentuk untuk melengkapi bakal pemimpin masa depan dengan pengetahuan yang terperinci dan kemahiran tambahan yang diperlukan untuk mendahului sistem kesihatan kita.

Program berkenaan jelasnya, terdiri daripada komponen pengurusan dan fokus kepimpinan terutamanya kepada industri penjagaan kesihatan yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman peserta tentang fungsi pentadbiran dan pengurusan dalam sebuah organisasi kesihatan yang disampaikan oleh pakar kesihatan dari SingHealth yang telah melalui perubahan, dibandingkan dengan yang terbaik dalam industri ini.

Program juga diharapkan dapat menyediakan pemimpin Kementerian Kesihatan, dengan kemahiran dan pengetahuan yang betul untuk mengambil tanggungjawab kepimpinan dan meningkatkan keupayaan mereka untuk menerajui pembangunan penjagaan kesihatan strategik.

Program HLEP dibahagikan kepada dua fasa sesi latihan, iaitu fasa pertama akan berlangsung selama empat hari bermula hari ini hingga 16 Mei 2024. Sementara, fasa kedua dijadualkan akan bermula pada Ogos 2024.

Dalam fasa pertama, peserta akan terlibat dalam siri bengkel dan aktiviti, merangkumi topik-topik asas kepimpinan dan pengurusan penjagaan kesihatan seperti pengurusan risiko enterprise, operasi penjagaan kesihatan, pengurusan kewangan, ekonomi penjagaan kesihatan dan kepimpinan transformasi.

Pada fasa seterusnya, peserta akan meneroka topik pengurusan penjagaan kesihatan lebih lanjut dan akan dipandu dalam aplikasi pengetahuan dan kemahiran melalui siri projek secara kumpulan.

Semasa program berkenaan, peserta terpilih juga akan diberi peluang untuk melawat dan mengalami pengurusan penjagaan kesihatan yang teladan di organisasi penjagaan kesihatan di Singapura.

Lawatan Kerja berkenaan akan mendedahkan peserta kepada aplikasi prinsip kepimpinan dalam suasana penjagaan kesihatan sebenar dengan tujuan memperluaskan perspektif peserta tentang amalan pengurusan penjagaan kesihatan di negara lain.

Program berkenaan dihadiri oleh lebih 50 peserta, terdiri daripada ketua-ketua jabatan, ketua pegawai eksekutif dan pengurus perubatan dari Kementerian Kesihatan serta peserta daripada sektor penjagaan kesihatan swasta, iaitu Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir pada Program Eksekutif Kepimpinan Penjagaan Kesihatan (atas). Manakala gambar kiri, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.**

# MoU kukuhkan kerjasama maritim DPS, MMASB

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**JERUDONG**, Selasa, 14 Mei. - Darussalam Pilotage Services Sdn. Bhd. (DPS) mengadakan sebuah Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Malaysia Maritime Academy Sdn. Bhd. (MMASB) untuk mengukuhkan kerjasama maritim di antara kedua-dua syarikat.

MoU diikuti dengan Majlis Penandatanganan Biasiswa kepada 10 pelajar, di mana kesemuanya akan mengikuti Diploma Nautical Studies di Akademi Latihan Maritim MMASB, Akademi Laut Malaysia (ALAM).

Program biasiswa ini akan membekalkan pelajar dengan Sijil Kompetensi Kelas 3 dan Diploma dalam pengajian Nautika. MoU tersebut ditandatangani oleh Pengurus Am DPS, Zil Husam Haji Abdul Rahman; dan Ketua Pegawai Eksekutif MMASB, Eddie Ahmad Khodzali.

Majlis tersebut diadakan di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei, di sini, yang dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid selaku Pengerusi Lembaga Pengarah DPS; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah; wakil daripada MMASB serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah DPS, pegawai-pegawai kanan kerajaan; pengarah urusan dan penerima-penerima biasiswa serta ahli-ahli keluarga.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menekankan bahawa inisiatif biasiswa tersebut adalah sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 yang bertujuan untuk menguatkan kepakaran tempatan dalam Sektor Maritim dan ini merupakan komponen yang utama untuk memajukan pembangunan negara.

Sementara itu, Pengurus




**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa menghadiri Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Darussalam Pilotage Services Sdn. Bhd. (DPS) dengan Malaysia Maritime Academy Sdn. Bhd. (MMASB) dan diselajurkan dengan Majlis Penandatanganan Biasiswa.**

Am DPS dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan mengenai kepentingan kerjasama yang signifikan yang telah diperkukuhkan dengan MMASB melalui MoU tersebut dan menyatakan bahawa kerjasama tersebut bukan sahaja bertujuan untuk memacu kemajuan dalam pendidikan, penyelidikan dan amalan terbaik industri maritim tetapi ia juga adalah untuk bersama-sama merangkumi penerokaan dalam bidang maritim dari segi produk dan perkhidmatan.

Sementara itu, Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif, MISC Maritime Services Sdn. Bhd., Awang Mohd. Denny Mohd. Isa mewakili Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MISC Berhad iaitu anak syarikat MMASB juga menekankan kepentingan kerjasama di antara kedua-dua syarikat dan berharap untuk memupuk pertumbuhan secara holistik serta kerjasama jangka panjang yang dapat menghasilkan pengalaman yang berfaedah untuk kedua-dua belah pihak.

# MAJLIS KESYUKURAN, DOA SELAMAT BAKAL JEMAAH HAJI KEMENTERIAN PENDIDIKAN







**YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat bagi bakal jemaah haji 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada bakal-bakal jemaah haji (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah, majlis turut diserikan dengan ceramah bertajuk 'Lambaian Tanah Suci' disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BERAKAS,** Isnin, 13 Mei. - Seramai 86 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan akan menunaikan ibadah fardu haji pada tahun ini.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Bahagian Komunikasi Korporat dan Pusat Keusahawanan Inovasi petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat bagi bakal jemaah haji 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, di sini.



Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Kanan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Rozaidi bin Haji Md. Daud dan disusuli dengan penyampaian sumbangan derma kepada bakal-bakal jemaah haji dan cenderamata kepada penceramah yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis turut diserikan dengan ceramah bertajuk 'Lambaian Tanah Suci' disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin yang antara lain mengingatkan, bakal-bakal jemaah haji yang digelar sebagai Dhuyuffurahman, iaitu tetamu Allah perlu mensyukuri nikmat besar yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat melaksanakan kemuncak Rukun Islam kelima itu, iaitu menunaikan ibadah haji.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Rektor, Timbalan Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Majlis bertujuan bagi memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar kesemua bakal jemaah haji Kementerian Pendidikan akan mendapat perlindungan, keselamatan, dipermudahkan segala urusan dan sentiasa dalam keadaan sihat serta memperoleh haji yang mabrur.

Di samping itu, majlis juga bertujuan untuk meningkatkan semangat untuk beramal ibadat dan sikap pemedulian khasnya dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan.

فليتا بروني PELITA BRUNEI

# TERAPKAN NILAI TERAS KEKELUARGAAN BRUNEI

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 Mei. - Dengan bertemakan, 'Keluargaku, Harapanku', fokus Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) pada tahun ini ialah 'Menerapkan Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei : Sayang-menyayangi; Tanggungjawab; Hormat-Menghormati; Pemedulian' (Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei : 'SaTu HaraPan').

Fokus ini masih sangat luas dan relevan untuk diguna pakai dalam perancangan dan pengukuhan dasar serta program pembangunan institusi keluarga senegara dan sebagai landasan dalam Pelan Tindakan Institusi Keluarga di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial, yang telah dikemas kini bagi tahun 2023 hingga 2027 dan akan dilancarkan tahun ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dalam perutusan sempena Hari Keluarga Antarabangsa 2024 yang disambut setiap 15 Mei telah berkongsi beberapa aktiviti dan inisiatif sepanjang tahun ini dengan kerjasama rakan-rakan strategik sektor kerajaan dan bukan kerajaan secara senegara ke arah mengukuhkan institusi keluarga dan memberikan peluang untuk kita semua meluangkan masa berkualiti bersama ahli keluarga.

Ini termasuk Festival Keluarga Harmoni; Big Kem Family Run anjuran Big Kem Project Company dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah (MUAFIQ) anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Turut diadakan Bengkel Kemahiran Keibubapaan Islam anjuran KUPU SB dan Program Anakku Kesayanganku dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama berbentuk aktiviti yang akan melibatkan penuntut-penuntut sekolah dari peringkat pra hingga pengajian tinggi.

Juga diadakan Promosi Pakej Keluarga yang akan ditawarkan oleh syarikat-syarikat perniagaan yang akan juga membantu merangsang aktiviti perekonomian dalam negara.

Selain itu, tambah Yang Berhormat dari sudut akademik pula, program pendidikan keluarga juga ditawarkan oleh KUPU SB melalui Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah Program Lepas Ijazah, Program Sarjana Muda dan Diploma Pengajian Fiqh Al-Usrah seperti Pengurusan Kewangan Keluarga Islam; Bimbingan dan Kaunseling Keluarga; dan Program Minor Pendidikan Keluarga Islam.

Terdahulu, dalam perutusan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata bahawa Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa disambut pada tanggal 15 Mei setiap tahun di seluruh dunia, selaras dengan pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bahawa unit keluarga adalah institusi yang terpenting dalam masyarakat.

Ia bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan meningkatkan lagi keupayaan keluarga dalam menghadapi cabaran serta isu-isu berkaitan dengan keluarga. Di Negara Brunei Darussalam juga turut menyambut Hari Keluarga pada setiap tahun.

Menurut Yang Berhormat, tema Hari Keluarga Antarabangsa pada tahun 2024 ini ialah 'Keluarga dan Perubahan Iklim : Tahun Antarabangsa Keluarga + 30' yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang cara perubahan iklim memberi kesan kepada keluarga dan peranan yang boleh dimainkan oleh keluarga dalam tindakan iklim.

Bencana yang disebabkan oleh iklim telah memberi kesan kepada mata pencarian dan kesejahteraan keluarga serta gangguan kepada infrastruktur, ekonomi, ekosistem dan keselamatan makanan global.

Tema ini juga tambah Yang Berhormat selaras dengan Wawasan Brunei 2035, Matlamat 2 : Kualiti Kehidupan Yang Tinggi yang bertujuan untuk memberikan kualiti kehidupan yang tinggi setaraf dengan negara-negara maju di dunia.

Tumpuan diberikan kepada penyediaan satu ekosistem yang holistik meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti penyediaan kemudahan dan infrastruktur penting, keselamatan negara, penjagaan alam sekitar dan pemberian perlindungan sosial bagi semua lapisan masyarakat.

"Perubahan iklim merujuk kepada perubahan jangka panjang dalam corak iklim bumi. Ini termasuk peningkatan suhu dan bencana akibat iklim ekstrem yang lebih kerap yang berpotensi membawa kepada penurunan produktiviti kerja dan peningkatan risiko kesihatan yang akan memberi kesan kepada keseluruhan mata pencarian masyarakat.

"Oleh itu, komuniti kita mesti bersedia dan dilengkapi dengan pengetahuan yang betul untuk membantu antara satu sama lain untuk mengurangkan dan menyesuaikan diri dengan kesan perubahan iklim.

"Apabila kita selaku manusia terbiasa menghormati dan menjaga alam sekitar dan komponennya, secara tidak langsung kita juga sedang berusaha untuk menjaga kesejahteraan masyarakat. Maka di sinilah peranan keluarga itu penting seperti pepatah 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

"Anak-anak kita perlu diasuh sebaik mungkin untuk sama-sama memeduli; menyayangi serta menjaga alam sekitar termasuk persekitaran yang bersih dan mempunyai rasa bertanggungjawab akan hidup berkeluarga dan bermasyarakat. Hiduplah dalam persekitaran yang baik untuk mendapat keluarga yang sihat dan sejahtera," jelas Yang Berhormat.

Negara Brunei Darussalam juga menyambut HKK pada setiap Ahad pertama dalam bulan Mei sejak tahun 2012 di peringkat negara. Pada tahun ini ujar Yang Berhormat sambutan bertepatan dengan Sambutan Syawal mulia iaitu 25 Syawal 1445 Hijrah bersamaan 5 Mei 2024 Masihi dan telah diraikan dengan acara-acara berkebajikan termasuklah bacaan Doa Keluarga setiap selepas menunaikan sembahyang fardu di seluruh masjid, surau dan balai ibadat dan Majlis Kesyukuran sempena Sambutan HKK 2024 yang telah diadakan pada Sabtu, 4 Mei 2024.

Yang Berhormat juga berharap agar semua pihak sama ada daripada agensi kerajaan, swasta, persatuan-persatuan, institusi-institusi, Penghulu dan Ketua Kampung serta pemimpin akar umbi agar terus memberikan komitmen serta kerjasama yang bersepadu terutama dalam menggerakkan acara-acara sambutan sama ada di peringkat kebangsaan, daerah, mukim atau kampung masing-masing, mahupun di peringkat organisasi, persatuan, masyarakat ataupun kumpulan keluarga masing-masing.

"Keluarga yang stabil, bahagia, menyokong pendidikan,



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam perutusan sempena Hari Keluarga Antarabangsa 2024.**

kesejahteraan, dan keselamatan ahli keluarga menyumbang kepada emosi, mental dan fizikal yang sihat serta tenaga kerja yang produktif. Semua elemen ini memberi kesan positif kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara.

"Nilai-nilai teras kekeluargaan Brunei yang dipupuk dalam keluarga dapat membentuk asas bagi masyarakat yang stabil dan sejahtera. InsyaaAllah, dengan adanya usaha dan kerjasama berterusan dan dengan memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga kita akan terus maju dalam rukun damai demi raja, negara, bangsa dan agama di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala sebagai keluarga yang hidup bahagia - negara *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur*. Selamat HKK 2024 kepada semua keluarga di Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi mengakhiri perutusannya.

# Sumbangan ringankan beban mangsa kebakaran



**MAJLIS Penyampaian Sumbangan yang berlangsung di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia disempurnakan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Penghulu Mukim Lumapas (kiri, bawah kiri dan bawah kanan).**

**Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 13 Mei. - Keprihatinan masyarakat terhadap mangsa tragedi kebakaran yang terjadi pada Sabtu, 11 Mei lalu telah menunjukkan sifat pemedulian berikutan sumbangan terus diterima daripada orang ramai

Sumbangan pihak dermawan juga diterima daripada persatuan mahupun juga persendirian baik dari segi pakaian dan juga barangan asasi bagi keperluan hidup seharian seperti beras, minyak masak, air dan sebagainya.

Majlis Penyampaian Sumbangan yang berlangsung di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia disempurnakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin yang juga selaku Penghulu Mukim Lumapas.

Yang Berhormat Awang Amran melahirkan ucapan takziah dan dukacita atas musibah yang dihadapi oleh para mangsa dan menyatakan agar mereka untuk terus tabah dan sabar dalam menempuh ujian Allah Subhanahu Wata'ala ini.

Masyarakat di negara ini jelas Yang Berhormat, juga tidak *camah* mata lebih-lebih lagi dalam sama-sama membantu mereka yang dalam kesusahan dan memerlukan dan ia dapat disaksikan dengan adanya penerimaan sumbangan yang begitu menggalakkan.

Sementara itu, Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid memanjatkan rasa syukur atas sumbangan yang tidak henti-henti daripada orang ramai dan selain itu, berterima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa dan para penduduk yang menjadi sukarelawan dalam sama-sama mengungkayahkan dan mengendalikan sumbangan pakaian dan peralatan lain yang diterima.

Mereka juga turut memeriksa pemberian sumbangan tersebut dan seterusnya membahagikannya mengikut senarai penghuni rumah mangsa masing-masing.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sahaja dapat membalas atas jasa baik dan sedekah para dermawan dengan ganjaran pahala yang sebanyak-banyaknya serta beroleh kebahagiaan dunia dan akhirat.





# PEMENANG PERTANDINGAN FOTOGRAFI CUACA TERIMA HADIAH





**PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Cuaca sempena Hari Kajicuaca Sedunia yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja (atas dan kiri).**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Mei. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Cuaca sempena Hari Kajicuaca Sedunia yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan, di sini.

Bersempena dengan Hari Kajicuaca Sedunia yang disambut setiap tahun pada 23 Mac, Pertandingan Fotografi Cuaca dengan tema 'Masa Depan Cuaca, Iklim dan Air Merentasi Generasi' tersebut dibukakan kepada orang ramai selama empat bulan bermula 10 Oktober 2023 hingga 10 Februari 2024 yang lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pemenang dan juga penyampaian sijil-sijil kepada para juri, Pemangku Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Penolong Pegawai Ugama, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Zharfan bin Haji Awang Ahmad dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Kajicuaca, Dayang Rokiah binti Haji Angas selaku Pengerusi Majlis.

Dalam ucapan Pengerusi Majlis, beliau menekankan bahawa Pertandingan Fotografi Cuaca tersebut selain daripada mengetengahkan bakat dalam bidang fotografi, ia adalah juga dihasratkan agar pertandingan tersebut dapat meningkatkan lagi kesedaran orang ramai mengenai pelbagai aspek cuaca dan iklim, serta kepentingannya yang sering memberikan impak kepada individu dan masyarakat.

Pertandingan tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan seramai 60 peserta dengan 234 keping gambar telah pun diterima mengikut relevansi dan kesesuaian gambar dan kapsyen dengan tema pertandingan yang menggambarkan pelbagai senario dan kepelbagaian corak cuaca.

Pemenang tempat pertama bagi Pertandingan Fotografi Cuaca disandang oleh Awang Muhamad Azlan bin Mohd Jefri, yang memenangi hadiah wang tunai BND500 serta sijil, sementara tempat kedua pula dimenangi oleh Awang Norsah bin Awang Haji Kassim yang membawa pulang hadiah wang tunai BND300 serta sijil, manakala tempat ketiga diberikan kepada Dayang Ainatul Ruwaidah binti Awang Rosli yang memenangi hadiah wang tunai BND200 serta sijil.

Selepas acara penyampaian hadiah, tetamu kehormat dan para jemputan seterusnya menyaksikan pameran Fotografi Cuaca yang mempamerkan gambar-gambar yang telah ikut serta sepanjang tempoh pertandingan.

Pameran Fotografi Cuaca di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja ini dibukakan untuk kunjungan orang ramai mulai 14 hingga 19 Mei 2024, dari jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Juga hadir, ketua eksekutif, pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC, jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.



# MINDA PEMBACA

## Erat silaturahim sesama jiran tetangga

KEHARMONIAN dan kegembiraan dalam menjalani kehidupan seharian adalah bermula dari rumah ataupun jiran. Jiran merupakan orang yang mendiami berdekatan dengan rumah kita. Oleh itu, adalah amat penting bagi kita untuk sentiasa bergaul dan bertegur sapa apabila berjumpa dengan jiran.

Ada pelbagai langkah yang boleh diambil untuk memupuk semangat kejiranan, salah satunya dengan menghidupkan kembali konsep rukun tetangga di kawasan perumahan kita.

Rukun tetangga merupakan satu badan yang berfungsi untuk mengawal keselamatan kawasan perumahan, terutama pada waktu malam. Aktiviti berkenaan juga dapat mengumpulkan dan melibatkan pelbagai pihak tanpa mengira bangsa serta agama yang secara tidak langsung mampu menimbulkan semangat kejiranan ketika melakukan rondaan bersama-sama.

Ketidaksamaan taraf sosial dapat dihindarkan melalui rukun tetangga kerana dalam konsep badan berkenaan, semua orang berada dalam martabat yang sama, seperti kata orang tua, 'Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi'.

Selain itu, kita juga perlu menyuburkan kembali amalan bergotong-royong kerana aktiviti berkenaan membolehkan masyarakat bersama-sama menjalankan pelbagai kegiatan yang membawa kebaikan dan keharmonian seperti membersihkan kawasan perumahan, membaiki alat kelengkapan di taman-taman perumahan, memotong rumput dan sebagainya. Kegiatan berkenaan juga dapat melahirkan semangat kerjasama sesama jiran.

Di samping itu, mengadakan rumah terbuka juga merupakan salah satu langkah yang dapat menghidupkan kembali semangat kejiranan. Melalui cara berkenaan dapat memupuk semangat ziarah-menziarahi di samping dapat mengenali dengan lebih dekat lagi dan memberi ruang kepada kita untuk mewujudkan kemesraan.

Amalan ziarah-menziarahi jiran sebenarnya dapat meningkatkan hubungan dalam masyarakat kerana adat berkenaan memang menjadi amalan dalam masyarakat kita.

Kesimpulannya, sekiranya penduduk kejiranan mengenali nilai semangat berkenaan dalam kehidupan seharian, lebih mudah untuk memupuknya memandangkan negara kita adalah rumah kepada komuniti berbilang kaum, dan semangat kejiranan juga penting.

Oleh itu, memupuk perasaan kejiranan yang kuat dapat membantu menyokong inisiatif penyatuan bangsa, yang telah menjadi matlamat utama kerajaan dalam memastikan keharmonian negara.

**Nama : Ahmad Faiz bin Azis**
**Nombor Kad Pengenalan : 01-088XXX**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Bersatu Mengurangkan Sampah Plastik'.** Tarikh Tutup **: 15 Mei 2024**
2. **'Kepentingan Air Dalam Kehidupan'.** Tarikh Tutup **: 22 Mei 2024**
3. **'Ubah Mentaliti Terokai Bidang Baharu'.** Tarikh Tutup **: 29 Mei 2024**

Terma dan Syarat :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

**3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :**
**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn**

**Menangi BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Pelita Brunei

# UBD SERTAI SHELL ECO-MARATHON ASIA PASIFIK DAN TIMUR TENGAH 2024




**UNIVERSITI Brunei Darussalam (UBD) telah mengumumkan penyertaannya dalam Shell Eco-Marathon Asia Pasifik dan Timur Tengah 2024 semasa Majlis Pelancaran Kenderaan Prototaip tahun ini di Pusat Kesenian Pro Canselor UBD.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Azmah Haji Ahad**



**NAIB Canselor UBD hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan dan seterusnya menyampaikan cenderahati beserta sijil kepada para penerima.**

**TUNGKU LINK,** Isnin, 13 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengumumkan penyertaannya dalam Shell Eco-Marathon Asia Pasifik dan Timur Tengah 2024 semasa Majlis Pelancaran Kenderaan Prototaip tahun ini di Pusat Kesenian Pro Canselor UBD, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat, ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle yang seterusnya melancarkan kenderaan yang dinamakan 'Mekar' di hadapan para penaja tahun ini terdiri daripada para wakil dari Brunei Shell Petroleum (BSP), Brunei Shell Marketing (BSM), Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Pengeluaran Eksplorasi Shell Brunei B.V serta Pegawai Utama UBD, ahli akademik, pelajar dan ibu bapa.

Majlis turut diserikan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Ketua Pasukan UBD Shell Eco-Marathon, Awang Hifdzur Azmin bin Haji Mohd. Zain dan diteruskan dengan penyampaian cenderahati berserta sijil.

Shell Eco-Marathon merupakan pertandingan unik yang mencabar bagi para pelajar untuk mereka membentuk, membina dan memandu kenderaan prototaip yang paling cekap tenaga.

Setiap ketua pasukan berpeluang membawa inovasi mereka ke trek untuk melihat siapa yang pergi paling jauh pada jumlah tenaga atau bahan api yang menyokong kecekapan tenaga tertinggi.

Shell Eco-Marathon Asia Pasifik dan Timur Tengah 2024 yang akan berlangsung di Litar Jalan Antarabangsa Pertamina Mandalika, Lombok, Indonesia pada 2 hingga 6 Julai 2024 akan menandakan tahun kesembilan UBD menyertai pertandingan ini.

Selaras dengan Visi 2035 Brunei Darussalam dan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), pertandingan ini menyediakan pasukan dengan peluang untuk menyelidik kelestarian dengan membangunkan Shell aerodinamik untuk kenderaan serta mengurangkan berat badan untuk meningkatkan kecekapan, dengan itu memerlukan kurang tenaga untuk pergerakan.

Penyertaan UBD pada tahun 2015 telah berjaya mencapai tempat ketiga dalam Kategori Sel Bahan Api Prototaip Hidrogen.

Pada tahun 2023, UBD menyertai semula pertandingan dalam Kategori Bateri Prototaip selepas terhenti kerana pandemik COVID-19 dan berjaya mencapai 103km / kWh, sekali gus menerima pengiktirafan di seluruh media.

Tahun ini, UBD akan diwakili oleh Pasukan UBD Shell Eco-Marathon Organisation (UBDSEMO) 'Belia Tabah', yang terdiri daripada lapan pelajar daripada Fakulti Sains Bersepadu, UBD dan memilih nama 'Mekar' yang bermaksud *blossom* dalam bahasa Inggeris, perwakilan simbolik yang merangkumi pencapaian kecekapan tenaga UBD sehingga kini, daripada 'benih' kepada 'buah' melalui kemuncak pengetahuan dan usaha mereka.

UBDSEMO juga telah memperkenalkan empat peringkat penajaan tahun ini iaitu Platinum, Gold, Perak dan Gangsa.

Komitmen daripada para penaja bukan sahaja menyediakan sokongan kewangan tetapi juga menawarkan kepakaran industri yang tidak ternilai dan sumber yang telah membantu meningkatkan prestasi pasukan dan keupayaan teknologi dengan menanam nilai kemampanan dan kesedaran alam sekitar, dan memastikan perkembangan berterusan belia Brunei dalam bidang teknikal dan kejuruteraan.

AirCat Forwarding Sdn. Bhd. juga telah menjadi penting dalam menyediakan nasihat dan sokongan logistik.

Dengan sokongan, pasukan tersebut telah berjaya mengurangkan jumlah berat kenderaan sebanyak 70 peratus berbanding pendahulunya, meningkatkan kecekapan dan *manoeuvrability* semasa pertandingan.

Dengan 90 peratus badan kenderaan yang diperbuat daripada polimer bertetulang serat karbon, bersama-sama dengan integrasi komponen canggih seperti motor dinaik taraf, pasukan ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan keberkesanan.

Pertandingan ini menekankan bukan sahaja komitmen pasukan kepada inovasi tetapi juga memacu sempadan inovasi mampan dalam bidang persaingan.

UBDSEMO berharap untuk memberi kesan yang ketara kepada Asia Pasifik dan Timur Tengah 2024 dan pertumbuhan dalam perkongsian pada masa akan datang.




**KETUA Pasukan UBD Shell Eco-Marathon, Awang Hifdzur Azmin bin Haji Mohd. Zain semasa berucap.**



**Sekitar Majlis Pelancaran Kenderaan Prototaip (atas dan bawah).**



# PDI TERIMA WAKAF 1,000 MUSHAF UNISSA





**PENYERAHAN wakaf mushaf Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) disempurnakan oleh Rektor UNISSA kepada Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah, Kampung Pulaie (atas dan atas kiri).**



**SEBANYAK 1,000 buah mushaf diserahkan bagi tujuan untuk diagihkan kepada para mualaf di Negara Brunei Darussalam.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 13 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyerahkan sebanyak 1,000 buah mushaf UNISSA kepada Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) bagi tujuan untuk diagihkan kepada para mualaf di Negara Brunei Darussalam.

Penyerahan wakaf mushaf UNISSA berkenaan disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal kepada Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh yang berlangsung pagi tadi di pusat berkenaan, di Kampung Pulaie.

Dengan pengagihan wakaf mushaf berkenaan kepada para mualaf di negara ini adalah diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya serta akan menyuntik lagi semangat para mualaf untuk sentiasa berdamping dengan Al-Quran.

Selain itu, ia juga diharap dapat melahirkan golongan mualaf yang dekat dengan Al-Quran, yang hidup mereka berpandukan kepada Al-Quran, tutur bahasa serta tindak tanduknya berlandaskan kepada ajaran-ajaran Al-Quran yang mulia dan menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua akan memberi ganjaran pahala yang berlipat kali ganda kepada para penginfak.

# NBD terima Anugerah The Best Tourism Marketing




**NEGARA Brunei Darussalam melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memenangi Anugerah Pemasaran Pelancongan Terbaik pada Pameran Pelancongan Antarabangsa Seoul (Seoul International Travel Fair-SITF) Ke-39 di Korea Selatan (atas, kanan dan bawah).**




**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Kemajuan Pelancongan**

**SEOUL,** Selasa, 14 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memenangi Anugerah Pemasaran Pelancongan Terbaik (The Best Tourism Marketing Award) pada Pameran Pelancongan Antarabangsa Seoul (Seoul International Travel Fair-SITF) Ke-39 di Korea Selatan, baru-baru ini.

NBD adalah antara entiti yang dibentangkan oleh Pengerusi Shin, Joong-Mok, Jawatankuasa Penganjur Pameran Pelancongan Antarabangsa Seoul.

Sepanjang acara empat hari tersebut, penyertaan NBD dalam SITF telah mempamerkan pengalaman yang mengasyikkan pada acara tersebut, yang diadakan dari 9 hingga 12 Mei 2024 di Pusat Pameran Coex di Seoul.

Inisiatif tersebut bertujuan untuk menarik pelancong Korea dengan menawarkan mereka merasai pengalaman budaya dan pengembaraan di NBD.

Untuk maklumat lanjut atau aktiviti pelancongan, sila layari laman sesawang *www.bruneitourism.com* atau *@info.bruneitourism* di Instagram.



PELITA BRUNEI

# 85 MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNISSA HADIRI PMB

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**BERAKAS**, Selasa, 14 Mei. - Program Masyarakat Bermaklumat atau dikenali sebagai PMB, merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan-lawatan.

Sehubungan dengan itu, petang tadi PMB meneruskan agendanya dengan penyampaian taklimat mengenai 'Pemerkasaan Masyarakat Melalui Keusahawanan (Cabaran dan Peluang)' yang disampaikan oleh Pengurus (Government & Business Support), Dayangku Hajah Siti Normardinah binti Pengiran Haji Omarali dari Darussalam Enterprise (DARe).

Beliau antara lain menerangkan mengenai peranan DARe dalam pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), Startup Bootcamp serta bagaimana pihak DARe dapat membantu usahawan-usahawan dalam mengendalikan perniagaan mereka.

Menurutnya, ini juga termasuk dalam memperluaskan perniagaan para usahawan ke arah pasaran tempatan mahupun antarabangsa dan membantu pengusaha perniagaan kecil-kecilan dalam memberikan nasihat, tunjuk ajar serta mengadakan kursus bagi sesiapa yang ingin memulakan bidang perniagaan.

Sejurus itu, taklimat terakhir mengenai 'Membangun Keterlibatan Terhadap Pembangunan Komuniti' disampaikan oleh Awang Muhammad 'Abdusysahiid bin Idris, dari Persatuan WeCare yang mengongsikan sebilangan projek-projek *humanitarian* yang dikendalikan di bawah WeCare termasuk Projek.Bn yang menawarkan khidmat komuniti kepada masyarakat atau golongan yang memerlukan bantuan.

Para peserta juga turut menyaksikan beberapa tayangan klip video mengenai antara projek-projek yang diungkayahkan oleh WeCare sama ada di peringkat negara mahupun bantuan di peringkat antarabangsa.

Pada PMB kali ini, seramai 85 orang Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengikuti program tersebut yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menyuntik semangat diri serta memberikan inspirasi kepada masyarakat di negara ini.





**PARA peserta dari Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa mendengarkan taklimat mengenai 'Pemerkasaan Masyarakat Melalui Keusahawanan (Cabaran dan Peluang)' dan taklimat mengenai 'Membangun Keterlibatan Terhadap Pembangunan Komuniti' (bawah kiri, atas kiri dan atas kanan).**

# Tingkatkan ilmu pengetahuan, bariga usaha kerajaan kepada masyarakat

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BERAKAS**, Selasa, 14 Mei. - Seramai 85 peserta dari Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengikuti Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menyuntik semangat diri serta memberikan inspirasi kepada masyarakat.

Program anjuran Jabatan Penerangan menerusi Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik tersebut berlangsung selama dua hari bermula hari ini di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Pemangku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin selaku Pengerusi Program berkata, dalam kita mengharungi era globalisasi yang semakin mencabar, adalah penting bagi kita sentiasa peka dengan usaha-usaha pembangunan negara yang mapan dan berdaya saing, selain sentiasa mengambil peranan aktif dalam agenda pembangunan negara baik melalui kemahiran, minat atau bidang yang kita ceburi.

"Alhamdulillah, pada PMB kali ini juga, fokus diberikan kepada tema-tema strategi yang menyentuh mengenai peranan dan keterlibatan dalam pembangunan masyarakat, serta peluang-peluang yang ada dalam mengembangluaskan budaya pemedulian dan prihatin terutama melalui peningkatan kapasiti dan pendedahan terhadap pengalaman mengendalikan projek-projek ke arah pembangunan masyarakat," katanya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

Terdahulu, beliau antara lain menjelaskan bahawa program tersebut merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui sesi taklimat, dialog dan lawatan agar masyarakat terutama para belia dapat memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutama bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Program ini juga merupakan inisiatif jabatan dalam memberikan peluang kepada masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan dengan lebih lanjut mengikut keperluan semasa dan isu yang relevan dengan keperluan pembangunan negara pada masa ini dan yang akan datang," katanya.

Taklimat pertama yang dikongsikan pada program tersebut adalah mengenai 'Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) : Penglibatan Masyarakat dan Negara' oleh Pegawai Tugas-tugas Khas Tingkat II, Jabatan Perdana Menteri, Awang Muhammad Zainul-Akhyaar bin Amer Hairunuddin.

Beliau memberikan sedikit penerangan mengenai 17 SDG dan memberikan gambaran mengenai pencapaian terkini Negara Brunei Darussalam dalam SDG.

Taklimat tersebut turut memberikan fokus kepada peranan masyarakat dalam mendukung SDG, melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang berperanan dalam membantu negara mencapai SDG dan sekali gus Wawasan Brunei 2035.

Taklimat seterusnya disampaikan oleh Pegawai Ekonomi (i-Ready), Dayang Nurrafidah Syazwani binti Ramli mengenai 'Pencapaian Prestasi Ekonomi Negara Dalam Mencapai Wawasan 2035', iaitu perkembangan ekonomi negara yang terkini ke arah mencapai Wawasan Brunei.

Dalam taklimatnya, beliau antara lain menjelaskan empat sektor yang menyumbang kepada peningkatan bukan minyak dan gas di negara ini, iaitu kewangan, pengangkutan dan logistik; pembinaan dan komunikasi.

Program diteruskan ke sebelah petang dengan sesi taklimat mengenai keusahawanan dan pembangunan komuniti masing-masing oleh Darussalam Enterprise (DARe) serta Persatuan WeCare.



**PEMANGKU Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim hadir selaku tetamu kehormat pada Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) (atas). Sementara gambar bawah kanan, sesi taklimat semasa program berkenaan.**





**SEBAHAGIAN daripada Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan UNISSA semasa menghadiri PMB.**

# PENDAFTARAN PEPERIKSAAN PSR DIBUKAKAN

**Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 13 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan mengumumkan bahawa pendaftaran bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) bagi Tahun 2024 telah dibukakan bermula hari ini, Isnin, 13 Mei 2024 hingga Sabtu, 15 Jun 2024.

Calon-calon sekolah hendaklah mendaftar melalui sekolah masing-masing.

Bagi calon persendirian borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperoleh daripada Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan (Aras Bawah, Blok 'C', Lapangan Terbang Lama Berakas, Kementerian Pendidikan) semasa waktu kaunter dibuka.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima bayaran pendaftaran secara tunai.

Waktu operasi bagi Kaunter Jabatan Peperiksaan adalah pada setiap hari Isnin hingga Khamis mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan pada sebelah petang mulai jam 1.30 petang hingga 3.00 petang, manakala pada Sabtu bermula jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah lengkap hendaklah dikembalikan ke Kaunter Jabatan Peperiksaan di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan tidak lewat pada Sabtu, 15 Jun 2024.

Untuk sebarang keterangan lanjut mengenai pendaftaran bolehlah merujuk Surat Pemberitahuan Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Bilangan 3/2024.

# Mesyuarat Agung Khas KOKAMI, 26 Mei

**Siaran Akhbar : Koperasi Kampung dan Mukim Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 13 Mei. - Dimaklumkan bahawa menurut peruntukan Peraturan Bilangan 20, Tambahan Peraturan Koperasi Kampung dan Mukim Negara Brunei Darussalam (KOKAMI) Berhad akan mengadakan Mesyuarat Agung Khas (EGM), pada Ahad, 17 Zulkaedah 1445 Hijrah bersamaan 26 Mei 2024 Masihi bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bertempat di Dewan JobCentre Brunei, Gadong.

Sehubungan itu, semua Ahli KOKAMI adalah dijunjung / dijemput hadir ke mesyuarat berkenaan.




# Kenali Bahasa Brunei

**Pisuk** bermaksud
1 pojok atau sudut bilik, almari dan sebagainya.
Contoh pemakaian kata : bisai lamari pariasan atu ditaruh di ***pisuk*** bilik tamu ah.
2 tempat yang terletak jauh dan terpencil.
Contoh pemakaian kata : impun daulu usin banyak-banyak, mun udah banyak sanang tah kau balarai-lara-ian, ka ***pisuk*** dunia pabaik.

**Bapiul** bermaksud mengeluarkan bunyi seperti suling yang dilakukan dengan mulut.
Contoh pemakaian kata : nya urang tua-tua lagi daulu, inda kuasa ***bapiul*** masa malam ari.

**Sakali puluk** bermaksud dapat dimakan sekali gus tentang kuih atau buah yang bersaiz kecil.
Contoh pemakaian kata : bisai karang ani urang mambuat tapai minak-minak, makan ***sakali puluk*** ganya.

**Punat** bermaksud padat dan tidak berlemak tentang daging lembu, kerbau, dan sebagainya.
Contoh pemakaian kata : mambali daging karbau pilih isinya yang ***punat*** atu bisai, pabaik tah mahal inda mangapa.

**SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS**




Foto : Norliah Md. Zain

# Puding Koktel

## RPN Kampung Mentiri Kawasan B

**BAHAN-BAHANNYA :**
1 tin Nestle Table Cream
1 senduk susu manis (boleh dikurang atau tambah ikut selera masing-masing)
½ blok Cream Cheese Philadelphia
1 kotak kecil susu *full cream*
Beberapa keping Roti Oreo (boleh tukar Roti Marie)
1 senduk buah koktel untuk *topping*

**CARA-CARANYA :**
Campurkan Nestle Table Cream, susu manis dan *cream cheese* lalu gaul sebati hingga *cream cheese* tidak berketul. Boleh gunakan blender jika mahu. Dalam satu bekas, tuang sedikit campuran susu tadi sebagai lapisan pertama. Susun roti yang telah dicelup sekejap dengan susu *full cream*. Lapis lagi dengan adunan susu tadi. Buatlah berselang seli hingga adunan susu tinggal secukupnya untuk lapisan terakhir. Susun buah koktel pada lapisan terakhir. Sejukkan di dalam *freezer* kira-kira dua jam atau semalaman. Sedap dimakan ketika masih sejuk.

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Penerbitan Iklan**

**UNISSA / SB0009 / 2024 / 2025 : Upgrading Works For Aquaculture Bungalow At Sinaut Campus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) [Class: 1 & Above, Category: KA01 & E01 Only]**

**Yuran Tawaran :**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Rabu, 29 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Penerbitan Iklan**
**UNISSA / SB0006 / 2024 / 2025 – Mencetak Dan Menghantar Jurnal Dan Buku-Buku Terbitan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Press April 2024**

**UNISSA / SB0008 / 2024 / 2025 – To Supply And Deliver New Loose Furnitures For Aquaculture Bungalow At Sinaut Campus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)**

**UNISSA / SB0011 / 2024 / 2025 – To Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing And Commissioning Of 10 Units Tv Banner For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)**

**UNISSA / SB0012 / 2024 / 2025 – To Supply, Delivery RFID Card, PVC Card And Ribbon For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)**

**Yuran Tawaran :**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Rabu, 29 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**Keterangan Projek:**
Three (3) Years Term Contract For Grass Cutting In Kuala Belait Municipal Area

**Dibukakan kepada pemborong – pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam.**

**Bilangan Tawaran:**
BBS / TOC / GCKBMA(4) / 2023-2026

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 28 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
The Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of Analogue And Digital Indoor Clock For Time Distribution System At Brunei International Airport
TERMINAL / 2024-2025 / SH-01

**Tarikh mengambil dokumen Sebut Harga :**
Rabu, 15 Mei 2024

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
28 Mei 2024

**Tarikh tutup Sebut Harga:**
Rabu,
29 Mei 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
JAIN / 24 / 1983 – 2024 (01)

**Tajuk Sebut Harga:**
Membekal Bendera Panjang Jabatan Adat Istiadat Negara

**Tarikh Tutup / Jam:**
21 Mei 2024 - Selasa (9.00 Pagi)

**Tempat Menghantar Sebut Harga:**
Peti Sebut Harga,
Jabatan Adat Istiadat Negara,
Bandar Seri Begawan
BS8610,
Negara Brunei Darussalam.

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
The Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of WLAN Firewall Network Security System To Enhance The Airport Networking System For Department Civil Aviation At Brunei International Airport
TERMINAL / 2024-2025 / SH-02

**Tarikh mengambil dokumen Sebut Harga :**
Rabu, 15 Mei 2024

**Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
28 Mei 2024

**Tarikh tutup Sebut Harga:**
Rabu,
29 Mei 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
Vehicles Supplier / Agent Only

**Kategori :**
Vehicles Supplier / Agent Only

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**
28 Mei 2024,
(Selasa)

**Bilangan Tawaran:**
JKR/DME/BOP-ME/05/2024

**Nama Projek:**
Membekal Kenderaan Pemeriksaan Lebuh Raya, Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
11 Jun 2024 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Penerbitan Iklan**

**UNISSA / SB0007 / 2024 / 2025 : Supply, Deliver And Install Irrigation System For Model Urban Farming System Project, Faculty Of Agriculture Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) [Class: 1 & Above, Category: KPB 04, KPB 15 & E 01 Only]**

**Yuran Tawaran :**
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Rabu, 29 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas :**
V dan VI sahaja

**Kategori :**
KA01 sahaja

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 013 /2024

**Nama Projek:**
Pengurusan Non-Revenue Water (NRW) Bagi Sistem Bekalan Air Di Negara Brunei Darussalam (Fasa 3)

**Yuran Tawaran :**
BND1,000.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa, 28 Mei 2024

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 4 Jun 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**Penerbitan Iklan**

**UNISSA / SB0010 / 2024 / 2025 : Pond Renovation (Stage 1) At Faculty Of Agriculture, Sinaut Campus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) [Class: 1 & Above, Category: KA01 Only]**

**Yuran Tawaran :**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Rabu,
29 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**Keterangan Projek :**
Three (3) Years Term Contract For Cleaning Services For Public Toilets Building, Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

**1.Tandas Awam Jubli Perak, Jalan Maulana, Kuala Belait**
**2.Tandas Awam Kawasan Letak Kereta Pasar Lama, Jalan Mckerron Kuala Belait**
**3.Tandas Awam Gerai Bunga Simpur, Kuala Belait**
**4.Tandas Awam Gerai Tudung Saji, Kuala Belait**
**5.Tandas Awam Jalan Bunga Tanjong, Kuala Belait**
**6.Tandas Awam Gerai Taman Persiaran, Kuala Belait**
**7.Tandas Awam Taman Persiaran, Kuala Belait**
**8.Tandas Awam Kawasan Letak Kereta Jalan Bunga Kemantin,**
**Seria**
**9.Tandas Awam Kompleks Sri Selera Seria, Jalan Bunga Kemantin, Seria**
**10.Tandas Awam Bas Terminal Seria Jalan Bunga Kuning, Seria**

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**(Kelas I & II Kategori SO2)**

**Bilangan Tawaran:**
BBS / TOC / BCS(5) / 2024-2027

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa,
28 Mei 2024.
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**
KK / 94 / 2024 / PPN

**Keterangan:**
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Twelve (12) Units Of Dental Air Compressor For Department Of Dental Services

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 95 / 2024 / HTD

**Keterangan :**
The Provision Of Maintenance Services For Fresenius CRRT Machines In Ministry Of Health For A Period Of One (1) Year

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 96 / 2024 / MED(TC)

**Keterangan :**
Pelan Takaful Keluarga Berkelompok Bagi Pegawai Dan Kakitangan Perkhidmatan Perubatan Kecemasan Dan Ambulan (Emas) Dan Jabatan Kemalangan Dan Kecemasan , Kementerian Kesihatan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 97 / 2024 / UPP

**Keterangan :**
To Supply, Deliver, Install, Testing And Commissioning One (1) Unit Of Cornea Cross Linking System For Ophthalmology Department (Operating Theatre), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 98 / 2024 / UPP

**Keterangan :**
The Provision Of The Cleaning Services For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health, For A Period Of Two (2) Months

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 99 / 2024 / SSBH

**Keterangan :**
Disposal Of Clinical Waste Including Collection, Transportation And Incinerate From Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait To Off-Site Location For Period Of Six (6) Months

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 100 / 2024 / SSBH

**Keterangan :**
To Supply, Delivery, Remove, Installation, Testing And Commissioning 15 Cubic Meter Cryogenic Liquid Oxygen Tank At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
28 Mei 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang

MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
**BCY / CP / 111 / 2023**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Mohamad Masdi bin Mohd. Zaidi (00-281029)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **19 Ogos 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
Mohamad Masdi bin Mohd. Zaidi
No.140, Spg 637-35-5,
STKRJ Kg. Lambak Kiri,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**
24 Jun 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**
4 April 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 155 / 2019**

**BIBD At-Tamwil Berhad (formerly known as IBB Kredit Berhad)**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Chriseddy Anak Ginsan (30-206532) (RBPF No.APO 6549)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 Jun 2019**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
Chriseddy Anak Ginsan
No.3, Spg. 1185-73-193-57, RPN
Bukit Beruang, Tutong, TC3345,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen :**
6 Mei 2024

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh :**
6 Mei 2024

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **22 Jun 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L2-9), Mahkamah Besar pada 23 Mei 2024, jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **23 Mei 2024, jam 9.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
4 April 2024

**Muhd. Marzuqi bin Sabtu**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No**
**BCY / CP / 631/ 2009**

**Baiduri Finance Berhad (previously filed bu HSBC Finance (B) Berhad)**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Mohd. Said bin Mahali**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **19 Jun 2010** telah dibatalkan pada **27 Mei 2024.**

**Nama Penghutang :**
Mohd. Said bin Mahali

**Alamat Penghutang :**
No.3, Spg 950-58-21, Kampung
Tanah Jambu, Jalan Muara,
Negara Brunei Darussalam

**Bertarikh :**
7 Mei 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 734 / 2009**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Pg. Haji Norizam Reshma bin Pg. Haji Metassan (00-250779)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **25 April 2024**.

**Nama dan alamat Bankrap:**
Pg. Haji Norizam Reshma bin
Pg. Haji Metassan
No.12, Spg.. 265 / 254,
Kg. Bukit Bunga,
Jalan Jerudong BG3222,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**
22 Februari 2024

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh :**
7 Mei 2024

**Kes No.**
**BCY / CP / 275 / 2009**

**Standard Chartered Bank**
- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Ajijah binti Awang Chuchu (00-064785)**
- Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian bahawa :

a.) Satu Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang telah dilepaskan / dibatalkan pada **27 April 2024**.

**Nama dan alamat Bankrap:**
Ajijah binti Awang Chuchu
No.351, Kg. Kelamansi Kasat,
Mukim Lumapas BJ1724
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Permohonan :**
22 Februari 2024

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh :**
7 Mei 2024

**Fatin Fikriyah binti Haji Rosli**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

PELITA BRUNEI

# PESTA KERJAYA IBTE 2024 BUKA TIRAI






**PRESIDEN Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA), Awang Haji Mohd. Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman hadir selaku tetamu kehormat pada Pesta Kerjaya IBTE 2024 (kiri dan kanan).**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohd Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Mei. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) memainkan peranan penting dalam mempersiapkan pelajar untuk tenaga kerja, melengkapkan mereka dengan kepentingan kemahiran teknikal, sesuai dengan bidang pilihan mereka.

Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli menjelaskan dengan meningkatkan kebolehpasaran mereka dan memupuk inovasi, IBTE menyumbang dengan ketara kepada perkembangan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Selain itu tambahnya, IBTE secara aktif bekerjasama dengan industri untuk memastikan kurikulumnya kekal sejajar dengan permintaan pasaran yang berkembang.

"Perkongsian strategik ini memastikan graduan kita memiliki kemahiran dan pengetahuan praktikal yang diperlukan untuk memenuhi keperluan khusus industri. Dengan mengikuti perkembangan kecekapan teknikal semasa, para graduan dilengkapi agar cemerlang dalam pasaran kerja yang dinamik dan kompetitif," ujarnya semasa Pesta Kerjaya IBTE 2024 yang berlangsung di Kampus Mekanikal IBTE, di sini.

Lebih 20 syarikat menyertai Pameran Pesta Kerjaya tersebut dengan menawarkan lebih 290 kekosongan pelbagai pekerjaan daripada Sektor Hospitaliti dan Pelancongan, Perdagangan, Elektrik, Elektronik, Pengurusan Hartanah, Automotif, Pembinaan, Tenaga dan Kejuruteraan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pesta tersebut ialah Presiden Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA), Awang Haji Mohd. Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman.

Sebagai tindak balas kepada keperluan mendesak dalam mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan, Pesta Kerjaya itu bertujuan untuk memperkasakan graduan dan mengeratkan lagi hubungan dengan rakan industri.

Dengan komitmen yang teguh terhadap pendidikan berkualiti dan kejayaan pelajar, IBTE mengambil langkah proaktif untuk menangani pengangguran dalam kalangan graduannya, sejajar dengan objektif kualiti pengurusan dan visi untuk masa depan.

Pesta Kerjaya IBTE 2024 diadakan di Dewan Serbaguna Kampus Mekanikal IBTE bermula 14 hingga 16 Mei 2024 dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang dan pada hari terakhir dibuka selama setengah hari sahaja.

Semasa Pesta Kerjaya itu, IBTE juga menawarkan satu siri bengkel peningkatan kemahiran, meliputi topik seperti penulisan resume, penyediaan temu duga dan pembangunan profesional.

Bengkel tersebut diadakan secara dalam talian mengikut jadual yang disediakan, akan melengkapkan graduan dengan keperluan dan sumber yang diperlukan bagi mempamerkan bakat mereka dan menjamin peluang pekerjaan.






# PBSM sumbang bantuan kepada mangsa kebakaran





**PERSATUAN Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (PBSM NBD) melalui Badan Bertindak Kemanusiaan memberikan bantuan berupa makanan asasi kepada mangsa yang terkesan (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Mei. - Kampung Setia 'B' telah mengalami tragedi kebakaran pada 11 Mei lalu yang melibatkan sebanyak sembilan buah keluarga.

Menyedari keperluan mangsa yang terjejas, Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam (PBSM NBD) melalui Badan Bertindak Kemanusiaan memberikan bantuan berupa makanan asasi kepada mangsa yang terkesan.

Bantuan yang telah disediakan termasuk makanan asasi seperti beras wangi, minyak masak, gula, mi segera, dan sumbangan seperti air mineral, biskut kering, kordial oren / manisan, kopi (*3 in 1*) dan teh (3 in 1).

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Presiden PBSM NBD, Awang Haji Muhammad Suhaimi bin Haji Ibrahim kepada Penghulu Mukim Zon 2, Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid.

PBSM NBD sentiasa mengikuti semangat *humanitarianism*, yang mengakui bahawa dalam keadaan krisis seperti ini, sokongan dan empati manusia adalah sebahagian daripada proses pemulihan yang sangat penting untuk bersama-sama memulihkan komuniti yang sedang mengalami situasi sedemikian.

Tujuan bantuan tersebut adalah untuk memberikan sokongan praktikal kepada keluarga yang terkesan dan membantu mereka dalam proses pemulihan daripada tragedi kebakaran.

Melalui inisiatif tersebut, PBSM NBD berharap dapat membawa sedikit keselesaan dan harapan kepada mangsa yang sedang menghadapi cabaran yang sukar.

Sehubungan itu, PBSM NBD juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyokong usaha Badan Bertindak Kemanusiaan, PBSM NBD.

Solidariti dan kepedulian daripada masyarakat adalah kunci dalam membantu memulihkan komuniti dalam masa krisis.

# OPERASI SIAGA : 2 KESALAHAN DIKESAN





BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa mengendalikan Operasi Siaga 100 / 2024 pada 7 Mei 2024 (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Mei. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 100 / 2024 pada 7 Mei 2024 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan perumahan pekerja yang telah dijalankan di kawasan Kampung Pancha Delima mendapati dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan iaitu Bab 80, gagal menyediakan tempat tinggal bersih yang mencukupi dan sempurna serta Bab 81, tempat tinggal pekerja tidak menepati kehendak undang-undang.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti penyediaan kontrak perkhidmatan secara bertulis dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009. Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

# 2 warga asing ditahan





JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan semasa menyasarkan operasi di Daerah Brunei dan Muara (kiri dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 14 Mei. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) baru-baru ini telah menyasarkan operasi di Daerah Brunei dan Muara.

Operasi Kabat 60 / 2024 telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang Bandar Seri Begawan, JIPK yang mana menyasarkan kepada sebuah syarikat mengendalikan sangkar ikan di Mukim Serasa.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan kepada seorang warga asing telah pun membawa kepada penahanan individu berkenaan yang kemudiannya dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen asal.

Selain itu, warga asing tersebut juga dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah Pas Imigresennya mansuh serta menyalahi di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Sementara itu, Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, JIPK juga mengikuti operasi bersama agensi-agensi iaitu Jabatan Buruh dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di bawah Operasi Bersepadu Jabatan Perikanan 5 / 2024 yang diketuai oleh Jabatan Perikanan. Operasi menyasarkan kepada beberapa buah kapal menangkap ikan dan sebuah rumah di Mukim Serasa.

Hasil daripada operasi bersepadu tersebut telah pun membawa kepada penahanan kepada seorang warga asing yang kemudiannya dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut di mana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di NBD setelah Pas Imigresennya mansuh dan juga di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Operasi Bersepadu ini adalah salah satu usaha berterusan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang di NBD dalam misi membenteras dan membendung kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini.

JIPK mengalu-alukan kepada orang ramai untuk terus memberikan sebarang maklumat berhubung pesalah-pesalah Imigresen dengan menghubungi terus ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).






# Melakukan Tawaf Dengan Cara Dipikul




**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**TAWAF** bererti melakukan pusingan di sekeliling Ka'bah sebanyak tujuh kali dengan syarat-syarat tertentu. Tawaf ada berbagai jenis antaranya Tawaf *Ifadhah*, Tawaf *Qudum*, Tawaf *Wada'*, Tawaf *Nadzar*, Tawaf *Tathawwu'* dan Tawaf *Tahallul*. Dalam ibadah haji dan ibadah umrah, tawaf merupakan salah satu rukun bagi kedua-dua ibadah tersebut, iaitu Tawaf *Ifadhah* bagi ibadah haji dan ibadah umrah.

Tawaf mengelilingi Ka'bah sunat dilakukan dengan cara berjalan kaki bagi yang berupaya berbuat sedemikian sama ada tawaf yang dilakukan itu adalah tawaf rukun, tawaf wajib atau tawaf sunat. Tawaf dengan cara selain berjalan kaki seperti dengan cara menaiki binatang tunggangan atau kenderaan adalah diharuskan dan sah walaupun dilakukan tanpa sebarang keuzuran dan tidak dihukumkan makruh tetapi ia menyalahi yang utama (*khilaf al-awla*). Tawaf juga harus dilakukan dengan cara dipikul oleh orang lain. Maksud dipikul di sini ialah seperti digendong, didukung, diusung, "disikut" dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, perkara yang afdhal bagi orang yang mampu berjalan kaki ialah melakukan tawaf dengan cara sedemikian berbanding dengan cara dipikul oleh orang lain atau menaiki kenderaan.

Khusus mengenai orang yang melakukan tawaf dengan cara dipikul oleh orang lain ini, apakah yang perlu dilakukan oleh orang yang dipikul dan orang yang memikul supaya tawaf tersebut menjadi sah? Hal ini penting diketahui terutama sekali dalam tawaf rukun bagi ibadah haji dan umrah kerana jika tawaf rukun tersebut tidak sah, ia akan menjejaskan ibadah haji dan umrah yang dikerjakan. Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenai perkara ini.

Sepertimana yang telah dijelaskan di atas, melakukan tawaf dengan cara dipikul oleh orang lain hukumnya adalah sah sama ada ia dilakukan dengan sebab sesuatu keuzuran seperti kerana sakit atau dilakukan tanpa sebarang keuzuran, kerana tawaf mengelilingi Ka'bah itu terhasil sama ada dengan perbuatan orang yang tawaf itu sendiri atau dengan perbuatan orang lain seperti dengan cara seseorang memikulnya untuk melakukan tawaf.

Kesahan tawaf bagi orang yang dipikul itu tertakluk kepada syarat tertentu. Antaranya orang yang melakukan tawaf dengan cara dipikul itu hendaklah memenuhi syarat-syarat sah tawaf antaranya dia dalam keadaan suci daripada hadats dan najis, menutup aurat, tidak memalingkan niat tawaf iaitu berniat bahawa tawaf yang dilakukannya itu adalah untuk dirinya sendiri bukan untuk selain dirinya dan tidak memalingkan niat tawaf itu kepada selain tawaf. Bagi orang yang memikul pula, tidak disyaratkan ke atasnya untuk berada dalam keadaan suci daripada hadats ketika memikul orang lain untuk melakukan tawaf.

Kesahan tawaf bagi orang yang dipikul itu juga tertakluk kepada keadaan orang yang memikulnya. Tawaf yang dilakukan dengan cara dipikul adalah sah bagi orang yang dipikul sekiranya orang yang memikulnya itu dalam keadaan-keadaan berikut: -

**Keadaan Pertama:**

Orang yang memikul tidak dalam keadaan berihram, atau dalam keadaan berihram dan telahpun melakukan tawaf yang dituntut ke atas dirinya, atau dalam keadaan berihram tetapi belum melakukan tawaf yang dituntut ke atas dirinya dan belum masuk waktu tawaf tersebut, atau orang yang memikul itu tidak dalam keadaan berihram dan berniat bahawa tawaf tersebut hanya untuk orang yang dipikulnya, atau dia tidak berniat apa-apa iaitu tidak berniat tawaf untuk dirinya atau orang yang dipikulnya.

Dalam hal ini, tawaf yang dilakukan itu hanya sah bagi orang yang dipikul sahaja. Jika dia memikul dua orang untuk melakukan tawaf, maka tawaf tersebut adalah sah bagi kedua-dua orang yang dipikul itu.

Maksud masuk waktu bagi tawaf yang dituntut ke atas orang yang memikul itu ialah masuk waktu mengerjakan tawaf sama ada Tawaf *Ifadhah,* tawaf bagi ibadah Umrah, Tawaf *Qudum* atau selainnya.

**Keadaan Kedua:**

Orang yang memikul dalam keadaan berihram dan belum melakukan tawaf yang dituntut ke atas dirinya dan telah masuk waktu tawaf tersebut, dan dia berniat bahawa tawaf tersebut adalah bagi orang yang dipikulnya bukan untuk dirinya sendiri.

Menurut pendapat *al-ashah*, tawaf yang dilakukan itu adalah sah bagi orang yang dipikul sahaja kerana orang yang memikul itu telah memalingkan niat tawaf tersebut daripada dirinya kepada orang yang dipikul.

Walau bagaimanapun, jika orang yang memikul dan orang yang dipikul kedua-duanya dalam keadaan berihram dan telah masuk waktu tawaf bagi keduanya, lalu masing-masing berniat bahawa tawaf yang dilakukan itu adalah untuk dirinya sendiri, maka menurut pendapat *al-ashah* dalam hal ini tawaf tersebut hanya sah bagi orang yang memikul sahaja dan tidak sah bagi orang yang dipikul kerana yang dikira melakukan tawaf itu ialah orang yang memikul. Ini bererti untuk menyempurnakan tawaf orang yang dipikul, maka hendaklah dilakukan tawaf tersebut sekali lagi untuk orang yang dipikul dengan niat daripada orang yang dipikul atau dengan niat orang yang memikul bahawa tawaf tersebut adalah untuk orang yang dipikul.

Berbeza halnya dengan hukum tawaf orang yang tawaf dengan cara ditunda atau ditolak seperti menggunakan kerusi roda, *stroller* dan lain-lain yang seumpamanya. Jika masing-masing berniat bahawa tawaf yang dilakukan itu adalah untuk dirinya sendiri, maka tawaf tersebut adalah sah bagi kedua-duanya dengan syarat orang yang ditunda atau ditolak itu hendaklah diletakkan pada alat yang mencecah bumi seperti diletak pada kerusi roda, stroller atau seumpamanya bagi mengeluarkan dari kategori dipikul.

Walau bagaimanapun menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah,* jika tujuan orang yang menolak atau menunda itu berjalan (mengelilingi Ka'bah dengan orang yang ditolak atau ditunda) adalah untuk menolak atau menunda semata-mata, maka tawaf orang yang menolak atau menunda itu adalah batal kerana dia telah memalingkan niatnya daripada tawaf kepada sesuatu yang lain.

Demikian penjelasan mengenai melakukan tawaf dengan cara dipikul.




# Carilah rezeki yang halal

**SEBAGAI** hamba yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kita dianjurkan berusaha mencari rezeki dan harta yang halal bagi menyara kehidupan. Dengan memperolehi rezeki yang halal akan menjadikan kehidupan seseorang diberkati dengan ketenangan dan kedamaian, sekali gus mewujudkan sikap dan sifat yang baik dalam diri kita seperti kejujuran, kerendahan hati dan sebagainya. Imam Muslim meriwayatkan dalam kitab sahihnya daripada Abu Said Al-Khudri bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

*''Barang siapa mengambil harta yang menjadi haknya, maka akan diberikan berkat kepadanya. Tetapi barang siapa mengambil harta yang bukan haknya, maka ia seperti orang yang makan tapi tidak merasa kenyang".*

Rezeki yang diberkati juga adalah rezeki yang diperoleh dengan cara yang baik tanpa berlebihan dan bersikap tamak. Imam Al-Bukhari meriwayatkan dalam kitab sahihnya daripada Hakim bin Hizam Radhiallahu 'anhu, dia berkata :

*"Aku meminta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu Baginda memberikannya kepadaku. Kemudian aku meminta lagi kepada Baginda dan Baginda memberikannya kepadaku dan aku meminta lagi kepada Baginda, lalu Baginda memberikannya kepadaku. Kemudian Baginda bersabda : "Sesungguhnya harta itu ibarat tanaman yang hijau (sangat menarik) dan terasa manis. Barang siapa mencarinya dengan hati yang baik, maka harta itu akan memberkatinya. Namun barang siapa mencarinya dengan berlebihan (tamak), maka harta itu tidak akan memberkatinya, seperti orang yang makan namun tidak merasa kenyang. Tangan di atas (memberi sedekah) lebih baik daripada tangan yang di bawah (meminta-minta)".*

Kedua-dua hadis tersebut membawa maksud bahawa seseorang yang memperoleh rezeki atau harta yang halal dan tidak bersifat tamak dan berlebihan dalam memintanya ataupun menginginkan apa yang dimiliki orang lain, maka perkara tersebut akan membuka pintu keberkatan baginya dalam hartanya. Sehingga harta yang dimilikinya meskipun sedikit namun tetap mencukupi segala keperluannya dan dia merasakan ketenangan dalam hidupnya malah, apabila harta itu banyak, maka ia akan menjadi harta yang bermanfaat bagi dirinya, keluarga dan orang lain. Oleh itu, hendaklah kita berhati-hati dalam mencari dan mendapatkan rezeki itu. Janganlah terlalu rakus di dalam mencarinya hingga mencampuradukkan antara yang hak dan yang bathil.

Rezeki yang diperoleh dengan cara yang bathil dan haram akan menghasilkan rezeki yang tidak berkat dan akan memberi kesan yang tidak baik, baik pada diri kita sendiri, keluarga, masyarakat mahupun kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Seberapa banyak pun rezeki yang kita cari dan peroleh di dunia ini tidaklah menjadi larangan di dalam Islam asalkan rezeki yang diperoleh adalah daripada sumber yang halal. Oleh itu, sebagai umat Islam, kita wajiblah berhati-hati dalam mencari dan mendapatkan rezeki. Rezeki yang sedikit tetapi berkat dan mencukupi adalah jauh lebih baik daripada rezeki yang melimpah ruah tetapi tidak mendatangkan manfaat dan tidak berkat.

**REZEKI yang diperoleh dengan cara yang bathil dan haram akan menghasilkan rezeki yang tidak berkat dan akan memberi kesan yang tidak baik, baik pada diri kita sendiri, keluarga, masyarakat mahupun kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Seberapa banyak pun rezeki yang kita cari dan peroleh di dunia ini tidaklah menjadi larangan di dalam Islam asalkan rezeki yang diperolehi adalah daripada sumber yang halal. Oleh itu, sebagai umat Islam, kita wajiblah berhati-hati dalam mencari dan mendapatkan rezeki. Rezeki yang sedikit tetapi berkat dan mencukupi adalah jauh lebih baik daripada rezeki yang melimpah ruah tetapi tidak mendatangkan manfaat dan tidak berkat.**

# HALAQAH FIQH WANITA : TINGKATKAN KEFAHAMAN, PENGIRAAN HARI HAID, ISTIHADHAH



**SERAMAI 35 orang peserta wanita terdiri daripada pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) menghadiri Halaqah Fiqh Wanita 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Dewan Persidangan, PDI, Kampung Pulaie.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 13 Mei. - Seramai 35 orang peserta wanita terdiri daripada pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) baru-baru ini menghadiri Halaqah Fiqh Wanita 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Dewan Persidangan, PDI, Kampung Pulaie.

Halaqah dikendalikan oleh PDI melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Unit Ceramah).

Dua orang fasilitator dijemput bagi Halaqah tersebut iaitu Pegawai Buhuth, Dayang Hajah Siti Aishah binti Haji Abu Bakar dan Pegawai Istinbat, Dayang Hajah Noarasikin binti Haji Abdul Majid, keduanya dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Majlis Halaqah Fiqh Wanita dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Selesai Halaqah, majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada fasilitator-fasilitator jemputan disempurnakan oleh Pegawai Ugama Kanan, PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Halaqah Fiqh Wanita ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman para pegawai PDI mengenai pengiraan hari haid dan *istihadhah* serta kategorinya dan hukum ibadat dalam tempoh tersebut menurut Mazhab Syafi'e.

Di samping itu, untuk meleraikan kekeliruan dan mengenal pasti darah dan tindakan yang sepatutnya dilakukan menurut pandangan Islam.

Perkara ini adalah penting diketahui kerana ia berkait rapat dengan kewajipan menunaikan ibadat seperti mandi, sembahyang dan puasa.

Selain itu, untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kesedaran tentang peranan dan tanggungjawab para da'ie PDI sebagai perungkai permasalahan dalam menentukan hukum darah kaum wanita dan dalam menyebarkan ilmu fardu ain yang betul lagi sahih kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam.





**PARA fasilitator semasa menyampaikan Halaqah tersebut (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

## ALAI PINTAR — SOALAN 125

### SOALAN 15 MEI 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. Apakah yang akan terjadi sekiranya pokok tomato tidak disiram selama seminggu?
   a) Akan mati
   b) Akan layu
   c) Tiada apa-apa perubahan
2. 5 321 apabila diceraikan menjadi?
   a) 5 000 + 300 + 10 + 2
   b) 5 000 + 300 + 20 + 1
   c) 3 000 + 500 + 20 + 1
3. Apakah nama ibu negara bagi Filipina?
   a) Hanoi
   b) Singapura
   c) Manila

**TARIKH TUTUP: 30 MEI 2024**

### SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
   - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8945310** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..................................................
Tarikh Lahir : ..................................................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..................................................
Sekolah : ..................................................
Tahun : ..................................................
Alamat : ..................................................
..................................................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..................................................

### HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

### PEMENANG ALAI PINTAR 124

Nama : Ak. Md. Ammar Mahran Irsyaduddin bin Pg. Md. Fadzly Shah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0131224-01. Sekolah : Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49

Nama : Ak. Muhd. Haris Muhzaffar bin Pg. Linong
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0136471-01. Sekolah : Sekolah Sunshine Beribi

Nama : Haziqah Nur Nadhirah binti Ismail
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0116936-01. Sekolah : Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah

### JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 124

1. C – 6 763
2. A – Cepat-cepat lari kerana ketakutan
3. A – Sukan SEA

قليتا بروني PELITA BRUNEI

## Warisan



# Pentingnya melestarikan kembali permainan tradisional

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

TRADISI warisan adalah cara masyarakat menghormati masa lalu dan meneruskannya ke generasi berikutnya. Ini melibatkan seperti permainan tradisi mahupun budaya kita. Dengan menjaga tradisi, kita dapat memastikan bahawa warisan dan nilai-nilai yang terkandung dalam tradisi tersebut tetap terjaga.

Melestarikan budaya dan permainan tradisi *kitani* juga menjadi jambatan antara generasi lama dan generasi muda. Melalui pengetahuan tentang tradisi, kita dapat memahami nilai-nilai tersebut dan meneruskannya ke generasi berikutnya.

Seiring dengan perkembangan zaman yang semakin moden, maka semakin banyak pula permainan-permainan yang sangat canggih dan didukung dengan teknologi tinggi dan biasanya permainan-permainan ini ditujukan bagi kanak-kanak. Maka tidak hairan jika anak-anak sekarang tidak mengenal beragam permainan tradisional yang ada di negara kita yang kaya akan seni dan budayanya.

Saat ini berbagai-bagai macam permainan moden telah kita dapatkan baik secara *online* ataupun *offline* dan sangat mudah diakses oleh anak-anak bahkan ada pula sesetengah ibu bapa turut menyediakannya di rumah dengan alasan sebagai hiburan anak-anak ketika mereka berada di rumah.

Berdasarkan permasalahan di atas, maka perlulah kita untuk melestarikan kembali permainan-permainan tradisional yang hampir ditinggalkan. Di sini, warisan kita sekali lagi membawa dua jenis permainan tradisi yang perlu dikenali oleh anak-anak generasi muda kita, dua permainan tersebut iaitu Buah Lapas-Lapas dan Kereta Kirikan Benang.

**Permainan Buah Lapas-Lapas**

Permainan Buah Lapas-Lapas adalah salah satu permainan masyarakat darat. Ianya diperbuat daripada kayu yang dibentuk dan mempunyai ukiran yang beraneka jenis tertakluk kepada kemahiran tukang kayu. Pada badan permainan ini ada tiga buah lubang khas dibuat iaitu satu di kanan, satu di kiri serta satu lagi di tengah-tengah. Seutas tali diperlukan untuk diikatkan pada lubang kanan yang menempatkan beberapa biji buah hutan yang digantung bersama tali berkenaan serta disimpulkan pada lubang tengah, kemudian tali berakhir diikatkan semula pada lubang kirinya.

**Cara permainan**

Objektif permainan adalah untuk memindahkan buah yang tergantung dari titik A ke titik B tanpa membuka ikatan tali berkenaan.

**Kereta Kirikan Benang**

Sejenis permainan yang menggunakan bekas kirikan benang. Permainan Kereta Kirikan ini adalah sejenis permainan mekanisme. Kereta ini boleh bergerak apabila Kirikan Benang dipasang dengan enjinnya yang dibuat daripada gelang getah, lilin dan tulang lidi. Kereta ini lebih menarik jika dimainkan di atas pasir yang dibentuk bukit-bukit kecil. Kereta akan bergerak perlahan dan mendaki bukit-bukit kecil seperti jentolak atau kereta kebal.

**Cara permainan**

Tulang lidi yang diikat dengan getah tadi akan dipusing beberapa kali dan diletakkan kereta tersebut di atas lantai. Kemudian kereta akan bergerak perlahan tetapi kuat ke jarak beberapa kaki. Ia boleh dimainkan pada peringkat usia 8-15 tahun secara perseorangan atau lebih.

Selain dimainkan secara individu, permainan ini juga boleh dimainkan oleh dua orang atau lebih. Jika melibatkan ramai pemain, permainan boleh dipertandingkan secara pasukan.

Dua cara pertandingan boleh dijalankan dalam pertandingan berpasukan. Pertama, dengan berlumba kereta dari garisan permulaan. Kereta pertama yang sampai ke garisan penamat adalah pemenang. Cara kedua ialah dengan membuat kedua-dua kereta berlanggar. Ini biasanya dimainkan oleh dua pemain. Kereta pihak lawan yang berjaya ditolak ke belakang adalah dikira pemenang. Kereta yang terawal sampai ke garisan dikira pemenang.

Kesimpulannya, berbeza ketika beberapa tahun atau beberapa puluh tahun lalu, ketika kita masih kecil mungkin kita lebih mengenal permainan-permainan tradisional seperti Congkak, Simban, Latup-Latupan Pistol, Tinting dan lain-lain.

Permasalahannya adalah, bukan kita tidak ingin menerima kemajuan teknologi yang terjadi saat ini. Namun perlu kita menyedari bahawa, kemajuan teknologi tidak seluruhnya membawa dampak positif bagi kita, namun juga membawa kepada negatif yang tanpa kita sedari dan hal ini tentu cukup merisaukan kita, terutama bagi anak-anak yang sedang mengalami fasa perkembangan.



# Sayangi, hargai keluarga kita

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

HARI Keluarga Antarabangsa diraikan setiap tahun pada 15 Mei bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya keluarga dan mempromosikan kesatuan keluarga.

Ia juga menjadi platform untuk memperkuat hubungan antara anggota keluarga serta mendorong kebahagiaan keluarga secara keseluruhan. Aktiviti-aktiviti yang diadakan juga berbeza-beza di seluruh dunia bersempena Hari Keluarga Antarabangsa bagi merayakan pelbagai kebudayaan dan nilai-nilai keluarga.

Acara-acara yang diadakan sempena Hari Keluarga Antarabangsa sering melibatkan aktiviti-aktiviti seperti pesta keluarga, permainan luar, pertunjukan seni, seminar keluarga dan program-program kesihatan keluarga.

Tujuan daripada semua ini adalah untuk memperkuat hubungan keluarga, mempromosikan komunikasi yang baik antara anggota keluarga dan menyediakan platform untuk berkongsi pengalaman juga nilai-nilai keluarga yang penting.

Hal ini sangat penting dalam dunia yang semakin sibuk di samping teknologi yang semakin canggih, di mana kadang-kadang kesibukan sehari-hari dapat menghalang interaksi yang bermakna antara anggota keluarga.

Selain itu, Hari Keluarga Antarabangsa juga merupakan masa yang baik untuk menekankan pentingnya kesetiaan, sokongan serta komitmen antara ahli keluarga. Ia mengingatkan kita tentang nilai-nilai seperti kasih sayang, pengorbanan dan juga penghargaan terhadap satu sama lain.

Sambutan ini juga sering digunakan sebagai peluang untuk memperkenalkan program-program atau inisiatif-inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga dalam masyarakat.

### Keluargaku, harapanku

Memetik daripada Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 10 Mei 2024, sesebuah keluarga adalah sangat penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Tanpa institusi keluarga, kewujudan negara tidak akan sempurna.

Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina. Agama Islam juga mengatur aspek kehidupan manusia dan mendorong manusia untuk menjalin hubungan baik dengan sesama manusia, termasuk usaha untuk menunjukkan kasih sayang dalam keluarga.

Keluarga yang terjalin dengan kasih sayang akan mewujudkan keluarga yang harmoni. Jika suami isteri boleh memahami antara satu sama lain, mereka akan kelihatan mempunyai hubungan yang sangat baik dengan pasangan mereka.

Dalam Islam tanggungjawab kepimpinan keluarga pada asasnya terletak pada kaum lelaki. Walau bagaimanapun, dalam memastikan kejayaan dan keharmonian institusi ini, kedua-dua belah pihak iaitu ibu dan bapa seharusnya memainkan peranan yang sama penting.

### Peranan ayah

Sebagai suami peranan asas ialah menyediakan keperluan seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian. Bukan itu sahaja sebagai seorang ayah, juga bertanggungjawab memberi pendidikan akademik untuk perkembangan minda dan pendidikan agama untuk kesejahteraan rohani dan fizikal.

### Peranan ibu

Bagi ibu pula tanggungjawab utamanya adalah memastikan kelancaran dalam sistem rumah tangga yang disulami perasaan kasih sayang dan hormat menghormati. Kedudukan dan kemuliaan sebagai seorang ibu inilah menjadi faktor asas dalam melahirkan keluarga yang bahagia.

### Tip membangun kebahagiaan dalam keluarga

Antara tip yang boleh dipraktikkan untuk membangun keluarga bahagia adalah seperti berikut :

- Komunikasi yang baik : Berbicara secara terbuka dan jujur, dengarkan dengan penuh perhatian dan hargai pendapat setiap anggota keluarga.
- Luangkan waktu bersama dan tetapkan waktu khusus untuk berkumpul bersama keluarga.
- Manfaatkan waktu bersama dengan mengurangkan penggunaan media sosial dan teknologi.
- Berkongsi tanggungjawab rumah tangga dan mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti keluarga untuk berasa lebih terlibat dan dihargai.
- Belajar menerima kesilapan dan saling memaafkan. Sikap terbuka dan menerima kesilapan dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Pelbagai tip lain lagi boleh kita lakukan dalam membangun keluarga yang bahagia. Apa yang penting dalam sebuah keluarga adalah kasih sayang dan saling memberi kekuatan kepada ahli keluarga untuk menghadapi segala ujian dan rintangan dalam kehidupan.

Sempena Hari Keluarga Antarabangsa, mari kita luangkan masa bersama keluarga kita yang tercinta. Walaupun cabaran mungkin hadir dalam perjalanan kita, Hari Keluarga Antarabangsa adalah peringatan bahawa ikatan kekeluargaan adalah asas yang kukuh dalam kehidupan kita.

Oleh itu, wujudkanlah ruang untuk kasih sayang, sokongan dan persefahaman dalam sebuah keluarga agar dapat membina masa depan yang lebih baik di mana setiap keluarga dapat merasakan kebahagiaan yang tidak ternilai dalam hubungan kekeluargaan. Akhir kata, Selamat Menyambut Hari keluarga Antarabangsa.



BERITA GLOBAL

# PENDUDUKAN ISRAEL : TRAGEDI 76 TAHUN DI PALESTIN

**RAMALLAH**, 13 Mei. - Biro Perangkaan Pusat Palestin mengeluarkan laporan pada Ahad menandakan ulang tahun ke-76 Nakba yang menunjukkan bahawa sejak tahun 1948, kira-kira 134,000 rakyat Palestin dan Arab telah terbunuh di dalam dan luar Palestin.

Laporan biro itu memperincikan statistik kematian, penahanan, pembinaan penempatan, dan rampasan tanah di Palestin bertepatan dengan ulang tahun Nakba yang berlaku pada 15 Mei 1948, menurut Agensi Anadolu.

Sejak 7 Oktober 2023 sahaja, permulaan konflik Israel-Hamas, sekurang-kurangnya 35,034 rakyat Palestin telah terbunuh di Gaza, dengan 14,944 daripada mereka adalah kanak-kanak dan 9,849 wanita.

Mayat kira-kira 7,000 orang masih belum ditemui. Di Tebing Barat, 492 rakyat Palestin kehilangan nyawa akibat serangan tentera Israel dan peneroka Yahudi sejak 7 Oktober.

Menurut data daripada Persatuan Tahanan Palestin dan Suruhanjaya Pihak Berkuasa Palestin mengenai Hal Ehwal Tahanan dan Bekas Tahanan, kira-kira 1 juta orang telah ditahan sejak tahun 1967.

Jumlah penahanan di Tebing Barat sahaja telah mencapai 8,520 sejak 7 Oktober, dengan sejumlah tahanan dibebaskan dan yang lain masih dalam tahanan.

Setakat akhir April, jumlah tahanan di penjara Israel telah mencapai 9,400, termasuk 3,600 yang ditahan tanpa perbicaraan.

Memetik laporan itu, Agensi Anadolu melaporkan sehingga penghujung 2022, jumlah pusat pemeriksaan tentera dan penempatan Israel di Tebing Barat telah mencecah 483, dengan populasi peneroka mencapai 745,467, terutamanya di Baitulmuqaddis.

Peningkatan ketara dalam pembinaan penempatan disaksikan pada tahun 2023, dengan pihak berkuasa Israel meluluskan rancangan untuk lebih daripada 18,000 unit, termasuk di Baitulmuqaddis.

Pada tahun 2022, pihak berkuasa Israel telah merampas 26,000 ekar tanah Palestin di Tebing Barat, dan jumlah ini meningkat kepada 50,526 ekar pada tahun 2023.

Sejak 7 Oktober 2023, Israel telah memusnahkan atau mengakibatkan kerosakan teruk sejumlah 89,000 bangunan di Gaza, termasuk 104 milik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kos serangan di Gaza, termasuk kerosakan kepada infrastruktur, jalan, rangkaian elektrik, air dan tanah pertanian, dianggarkan berjumlah US$30 bilion.

Di Tebing Barat, Israel telah merobohkan sebahagian atau sepenuhnya 659 bangunan dan kemudahan pada tahun 2023.

Selain itu, perintah perobohan dikeluarkan untuk 1,333 kemudahan Palestin atas alasan tidak mempunyai permit, katanya.

Pada tahun 2023 juga, peneroka Yahudi dan tentera Israel telah melakukan 12,161 serangan terhadap rakyat Palestin dan harta benda mereka, termasuk 3,808 terhadap harta benda dan tapak keagamaan, 707 terhadap tanah dan sumber semula jadi, dan 7,646 terhadap individu.

Serangan itu mengakibatkan kerosakan kepada kira-kira 21,700 pokok, termasuk 18,964 pokok zaitun. - ©BERNAMA

## Angka kematian akibat bencana alam terburuk di Brazil meningkat kepada 143

**SAO PAULO, 13 Mei. -** Angka kematian akibat bencana alam terburuk yang pernah melanda negeri Rio Grande do Sul di selatan Brazil, meningkat kepada 143 orang dengan 125 orang masih hilang dan lebih daripada 600,000 orang dipindahkan, lapor Xinhua memetik agensi Pertahanan Awam pada Ahad.

Rekod hujan lebat selama dua minggu yang mengakibatkan banjir dan gelongsoran lumpur, menyaksikan adegan dramatik mangsa bencana diselamatkan di 446 bandar termasuk ibu negerinya, Porto Alegre, di mana Sungai Guaiba melimpah dan membanjiri separuh daripada bandar itu.

Hujan lebat bermula pada 29 April dan berterusan sehingga Ahad, memadamkan harapan banjir akan surut, serta meningkatkan jumlah orang yang dipindahkan daripada kira-kira 441,000 pada Sabtu kepada 618,550 pada Ahad.

Institut Meteorologi Kebangsaan meramalkan hujan lebat akan berterusan sehingga Isnin di negeri paling selatan Brazil itu, yang bersempadan dengan Argentina dan Uruguay.

Gabenor Eduardo Leite berkata minggu ini ia akan memerlukan kira-kira 19 bilion reais (AS$3.7 bilion) untuk membina semula Rio Grande do Sul selepas banjir kali ini. - ©BERNAMA

## Kuwait umumkan kabinet baharu

**KUWAIT CITY,** 13 Mei. - Dekri Amir Kuwait dikeluarkan pada petang Ahad, mengumumkan pembentukan kabinet baharu yang diketuai oleh Perdana Menteri yang dilantik, Sheikh Ahmad Abdullah Al-Ahmad Al-Sabah, lapor Xinhua memetik agensi berita rasmi KUNA.

Kabinet baharu ini terdiri daripada 13 menteri, dengan sembilan daripada mereka adalah daripada kerajaan sebelumnya, termasuk Timbalan Perdana Menteri Pertama, Menteri Pertahanan dan Pemangku Menteri Dalam Negeri, Sheikh Fahad Yusuf Al-Sabah, Menteri Luar, Abdullah Ali Al-Yahya, Menteri Kerja Raya dan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Perbandaran, Nora Mohammad Al-Mashaan, Menteri Kewangan dan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Ekonomi dan Pelaburan, Anwar Ali Al-Mudhaf.

Anggota Kabinet baharu termasuk Amthal Al-Huwailah, yang dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Sosial, Keluarga dan Kanak-Kanak serta Menteri Negara bagi Hal Ehwal Belia; Mahmoud Abdulaziz Bushehri sebagai Menteri Elektrik, Air dan Tenaga Boleh Diperbaharui, dan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Perumahan; Omar Al-Omar sebagai Menteri Perdagangan dan Industri serta Menteri Negara bagi Hal Ehwal Komunikasi; dan Mohammad Ibrahim Al-Wasmi sebagai Menteri Keadilan dan Menteri Endowmen dan Hal Ehwal Islam.

Kerajaan baharu ini tidak mengandungi portfolio Menteri Negara bagi Hal Ehwal Parlimen selepas Amir Kuwait Sheikh Mishal Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah mengumumkan pada Jumaat pembubaran parlimen dan penggantungan beberapa peruntukan perlembagaan sehingga empat tahun. - ©BERNAMA

## Korea Selatan, Malaysia bincang kerjasama industri pertahanan

**SEOUL,** 13 Mei. - Ketua agensi perolehan senjata negara Korea Selatan telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Pertahanan Malaysia mengenai cara untuk memperluaskan kerjasama industri pertahanan, kata pejabatnya pada Isnin, di tengah-tengah usaha Seoul untuk meraih lebih banyak kontrak pertahanan dengan negara-negara Asia Tenggara.

Agensi Berita Yonhap melaporkan bahawa Menteri Program Perolehan Pertahanan Korea Selatan (DAPA) Seok Jong Gun bertemu dengan Menteri Pertahanan Malaysia Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin di luar Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) di Kuala Lumpur, Selasa lepas.

Menurut kenyataan DAPA, kedua-dua pihak membincangkan kemajuan semasa dalam eksport pesawat tempur ringan FA-50 Korea Selatan ke Malaysia selepas Korea Aerospace Industries menandatangani perjanjian pada Mei lepas untuk membekalkan 18 FA-50 kepada Kuala Lumpur.

Dikatakan bahawa mereka juga mengadakan perbincangan mengenai lebih banyak eksport jet berkenaan dan bersetuju untuk meneroka kemungkinan mengeksport sistem artileri roket K239 Chunmoo dan sistem peluru berpandu permukaan-ke-udara jarak sederhana Cheongung-II Korea Selatan.

Seok juga bertemu dengan pegawai pertahanan dari Vietnam, Filipina dan Thailand untuk membincangkan cara-cara memperkuatkan kerjasama industri pertahanan dan senjata, kata kenyataan itu.

DAPA juga menyatakan bahawa pegawai Filipina menyatakan minat terhadap jet pejuang KF-21 Korea Selatan yang sedang dibangunkan, FA-50, dan kapal selam, manakala perbincangan dengan pegawai Vietnam memberi tumpuan kepada howitzer K-9 yang mempunyai sistem pendorong sendiri, yang mana Vietnam telah menyatakan minat mereka.

Korea Selatan menyasarkan untuk memperoleh eksport senjata bernilai US$20 bilion tahun ini, berbanding dengan US$14 bilion kontrak eksport pertahanan yang diraih tahun lepas. - ©BERNAMA

## Impian suami isteri tercapai, anak sulung jadi Muzawwir mereka di Madinah

**MADINAH,** 13 Mei. - Tiada perkara yang lebih membanggakan bagi pasangan suami isteri Mohd Nasir Yusof dan Ruzila Ab Halim yang menjadi jemaah haji pada musim 1445H/2024 apabila melihat anak sulung yang dirindui datang menyambut ketibaan mereka berdua di bumi Madinah.

Lebih bermakna bagi pasangan yang menetap di Kota Bharu, Kelantan itu ialah Muhd 'Atiqullah Mohd Nasir, 22, yang kini mengikuti kursus persediaan Bahasa Arab di Universiti Islam Madinah, menjadi Muzawwir semasa melakukan ziarah luar termasuk di Bukit Uhud, Masjid Quba dan ladang kurma.

Bagi Ruzila yang bertugas sebagai guru bahasa Arab di sebuah sekolah di Kelantan, dia tidak menyangka impian untuk melihat anaknya itu menjadi Muzawwir mereka apabila mengerjakan haji akhirnya menjadi kenyataan.

Ibu kepada lima orang anak itu berkata dia dan suami sepatutnya mendapat giliran haji pada 2023, namun tidak menerima sebarang surat, apabila bertukar alamat barulah dimaklumkan bahawa giliran mereka menunaikan ibadah itu adalah pada tahun lepas dan Lembaga Tabung Haji (TH) kemudian mengeluarkan surat tawaran sama tahun ini.

"Ada hikmahnya sebab kalau tahun lepas, anak saya masih belajar pada tahun pertama, mungkin tak jadi Mutawif lagi, tetapi sekarang Alhamdulilah dia dapat menjadi Muzawwir kepada saya dan suami.

"Sebelum ini, apabila dia maklum dapat tawaran belajar di Universiti Islam Madinah, saya cakap dengan dia saya memang nak dia jadi Mutawif untuk saya apabila ada rezeki menunaikan haji," katanya yang ditemui semasa melakukan ziarah luar di sini.

Sementara itu, Muhd 'Atiqullah yang merupakan antara 88 penuntut Universiti Islam Madinah yang bertugas sebagai Muzawwir tahun ini melahirkan rasa gembira apabila dapat berjumpa dengan ibu bapanya di tempat yang penuh barakah selepas lebih setahun tidak bertemu.

"Saya hanya tahu ibu bapa saya dapat menunaikan haji kira-kira sebulan lepas, tetapi pada masa itu saya belum terima keputusan sama ada saya dapat berkhidmat sebagai Muzawwir atau tidak.

"Keputusan diperoleh hanya beberapa hari sebelum ibu bapa berlepas apabila seorang rakan memasukkan nama saya dalam kumpulan WhatsApp ahli jawatankuasa program ziarah luar," kata pelajar tahun dua itu.

Sebelum ini, Muhd 'Atiqullah melanjutkan pengajian peringkat diploma di Mesir, namun tidak sampai setahun dia mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Madinah dalam bidang Al-Quran dan Al-Sunah.

Muzawwir merupakan kumpulan yang memberi penerangan kepada jemaah haji Malaysia ketika melakukan ziarah luar di tempat-tempat bersejarah di Madinah, manakala Mutawif ialah mereka yang membimbing jemaah ketika melakukan ibadah haji ataupun umrah. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# LARANGAN IMPORT URANIUM DARI RUSIA AKAN JEJASKAN EKONOMI AS SENDIRI

**MOSCOW**, 14 Mei. - Larangan ke atas import uranium dari Rusia ke Amerika Syarikat (AS) akan menjejaskan ekonomi AS dengan lebih teruk daripada ekonomi Rusia dan dasar sekatan pentadbiran Presiden Joe Biden tidak membawa hasil, kata Duta Rusia ke AS Anatoly Antonov, lapor Sputnik. Pada Isnin, Biden menandatangani Akta Melarang Import Uranium Rusia, yang melarang import uranium Rusia sehingga 2040.

"Tanpa keupayaan pengayaan kebangsaan, Washington sedang menjejaskan ekonominya. Tambahan pula, kerugian dari segi kewangan untuk Amerika Syarikat lebih tinggi daripada Rusia," kata Antonov kepada media.

Beliau juga berkata dasar sekatan pentadbiran (Biden) tidak membawa hasil seperti yang diharapkan. Akta itu mengehadkan import uranium pengayaan rendah dikeluarkan di Rusia atau syarikat berpangkalan di Rusia.

Pada masa sama, akta itu membenarkan Setiausaha Tenaga AS dengan koordinasi Setiausaha Negara dan Ketua Jabatan Perdagangan AS untuk menarik balik sekatan itu jika sumber lain uranium tidak diperoleh atau import bahan api nuklear Rusia adalah satu kepentingan kepada AS. - ©BERNAMA

## China bantu Laos siapkan platform e-dagang luar bandar

**VIENTIANE**, 14 Mei. - Platform e-dagang luar bandar Laos yang dibina atas bantuan China dilancarkan di sini, pada Isnin. Platform perdagangan elektronik itu merupakan sebahagian daripada lapan projek bantuan utama yang dilaksanakan China di Laos.

Dengan menerima pakai pengalaman China mengendalikan sistem e-dagang luar bandar dan mengambil kira keperluan setempat, projek berkenaan akan membantu Laos meningkatkan eksport hasil pertanian dan menjana pendapatan petani.

Projek itu turut merangkumi penaiktarafan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi, program latihan personel, pembinaan pusat perkhidmatan mesra rakyat dan sebagainya.

Menteri Industri dan Perdagangan Laos, Malaithong Kommasith menzahirkan penghargaan atas bantuan dan sokongan teknikal yang diberikan China kepada Laos. Beliau menyifatkan projek bervisi jauh itu akan membantu Laos merealisasikan transformasi digital dan menambah baik kesejahteraan rakyat.

Kuasa Usaha Sementara Kedutaan China di Laos, Wang Chang berkata projek berkenaan digerakkan sebagai langkah penting untuk melaksanakan pelan tindakan lima tahun baharu berhubung pembinaan komuniti berkongsi nasib China-Laos.

Menurutnya, ia juga 'saluran baharu' bagi menggalakkan lebih banyak hasil pertanian, produk perindustrian dan kraf tangan Laos dieksport ke China sekali gus meningkatkan kelancaran aktiviti perdagangan dan kesalinghubungan digital antara kedua-dua negara. - ©BERNAMA

## Ketua PBB sedih dengan kematian kakitangannya di Gaza

**NEW YORK**, 14 Mei. - Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres berasa amat sedih dengan kematian seorang kakitangan Jabatan Keselamatan PBB (DSS) serta kecederaan kepada seorang lagi anggota agensi itu dalam satu serangan di Gaza, menurut timbalan jurucakapnya pada Isnin, lapor Xinhua.

Timbalan jurucakap PBB, Farhan Haq berkata insiden itu berlaku pada pagi Isnin apabila kenderaan mereka yang bertanda PBB diserang semasa dalam perjalanan ke Hospital Eropah di Rafah.

"Setiausaha agung mengutuk semua serangan ke atas kakitangan PBB dan menggesa siasatan penuh. Beliau menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga anggota kakitangan yang terkorban," katanya.

Menurut Haq, dengan konflik di Gaza bukan sahaja menjejaskan orang awam tetapi juga pekerja kemanusiaan, Setiausaha Agung mengulangi gesaannya untuk gencatan senjata kemanusiaan segera di wilayah itu.

Beliau berkata nama dan kewarganegaraan kakitangan DSS yang terbunuh dan cedera masih dirahsiakan ketika Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sedang dalam proses memaklumkan kepada kerajaan yang berkenaan dan ahli keluarga yang terlibat.

Anggota DSS tersebut merupakan kakitangan antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang pertama terbunuh di Gaza sejak 7 Oktober 2023.

Konflik itu setakat ini mengakibatkan kira-kira 190 kakitangan PBB Palestin terbunuh.

Beliau menyatakan bahawa badan dunia itu sedang berusaha mendapatkan butiran insiden berkenaan. - ©BERNAMA

## Hampir 2,000 kanak-kanak terbunuh atau cedera dalam Perang Ukraine

**KUALA LUMPUR**, 14 Mei. - Hampir 2,000 kanak-kanak di Ukraine terbunuh atau cedera sejak peningkatan perang lebih dua tahun lepas, kata Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) hari ini.

Pejabat Serantau UNICEF bagi Eropah dan Asia Tengah serta Penyelaras Khas Tindak Balas Pelarian dan Migran di Eropah, Regina De Dominicis berkata purata dua korban kanak-kanak dilaporkan setiap hari di tengah-tengah perang yang berterusan dan semakin meningkat.

"Sekurang-kurangnya 1,993 kanak-kanak di Ukraine telah terbunuh atau cedera...Ini adalah angka yang PBB dapat mengesahkan. Kami tahu jumlah sebenar kemungkinan jauh lebih tinggi.

"UNICEF terus menggesa gencatan senjata segera di Ukraine dan semua kanak-kanak dilindungi daripada bahaya. Ini termasuk menamatkan penggunaan senjata letupan yang kejam di kawasan berpenduduk dan serangan ke atas kemudahan awam dan infrastruktur yang membahayakan kanak-kanak.

"Kanak-kanak Ukraine amat memerlukan keselamatan, kestabilan, akses kepada pembelajaran selamat, perkhidmatan perlindungan kanak-kanak dan sokongan psikososial. Lebih daripada segala-galanya, kanak-kanak Ukraine memerlukan keamanan," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, De Dominicis berkata serangan di Ukraine turut menjejaskan kesihatan mental dan kesejahteraan kanak-kanak.

"Separuh daripada remaja melaporkan mengalami masalah tidur dan satu daripada lima mengalami fikiran yang mengganggu dan kilas balik.

"Seperti yang kita lihat dalam semua peperangan, keputusan dan tindakan melulu orang dewasa telah meragut nyawa, keselamatan dan masa depan kanak-kanak," katanya.

Sementara itu, De Dominicis berkata UNICEF sedang berusaha di seluruh Ukraine untuk memulihkan sekolah dan tempat perlindungan serta menyediakan kit pembelajaran di rumah dan sokongan pembelajaran dalam talian kepada kanak-kanak.

Beliau berkata pada tahun lepas sahaja UNICEF telah menawarkan kepada 1.3 juta kanak-kanak dengan peluang pembelajaran formal dan tidak formal serta 2.5 juta kanak-kanak dan penjaga dengan perkhidmatan sokongan kesihatan mental dan psikososial.

"Jun akan menandakan empat tahun pendidikan terganggu di Ukraine.

"Hampir separuh daripada kanak-kanak yang mendaftar sekolah di Ukraine kehilangan persekolahan secara bersemuka, dengan hampir satu juta kanak-kanak di seluruh negara tidak dapat mengakses pembelajaran secara bersemuka sama sekali kerana tidak selamat," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan bahawa UNICEF telah bekerja di seluruh Ukraine untuk memulihkan sekolah dan tempat perlindungan sambil menyediakan sokongan pembelajaran dalam talian kepada kanak-kanak dan menyediakan kit pembelajaran di rumah.

Pada 2023, UNICEF telah menawarkan pembelajaran formal dan tidak formal kepada 1.3 juta kanak-kanak.

UNICEF juga menyediakan sokongan kesihatan mental dan psikososial termasuk melalui ruang selamat, pusat perlindungan dan sokongan, menjangkau 2.5 juta kanak-kanak dan penjaga pada tahun lalu sahaja. - ©BERNAMA

## Monsun barat daya dijangka bermula 17 Mei

**KUALA LUMPUR**, 14 Mei. - Monsun Barat Daya dijangka bermula Jumaat ini dan akan berterusan hingga September, menyebabkan kebanyakan tempat di seluruh negara mengalami bilangan hari tanpa hujan lebih banyak berbanding bilangan hari hujan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Muhammad Helmi Abdullah berkata pada musim ini, lazimnya angin bertiup secara konsisten dari arah barat daya dengan kelembapan udara lebih rendah dan keadaan atmosfera yang lebih stabil.

"Ini menyebabkan kurangnya pembentukan awan hujan yang membawa kepada taburan hujan lebih rendah dalam tempoh berkenaan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, beliau berkata hujan lebat berserta angin kencang dan petir berikutan fenomena garis badai (*squall line*) masih boleh berlaku di pantai barat Semenanjung, utara Sarawak dan barat Sabah terutamanya pada awal pagi.

Muhammad Helmi berkata garis badai ialah barisan ribut petir yang terbentuk akibat penumpuan angin dan boleh berlarutan sehingga beberapa jam. Selain itu, katanya dalam tempoh Monsun Barat Daya, fenomena jerebu boleh berlaku sekiranya pembakaran terbuka tidak terkawal terutamanya pada Julai hingga September.

Justeru, beliau menasihati orang ramai untuk mengelak melakukan pembakaran terbuka, selain menggalakkan mereka menggunakan air secara berhemah sepanjang musim berkenaan.

Menurutnya, maklumat cuaca terkini boleh didapati melalui laman web, aplikasi mobil myCuaca, media sosial rasmi jabatan dan hotline MetMalaysia 1-300-22-1638. - ©BERNAMA

## Penduduk Malaysia cecah 34 juta pada suku pertama 2024

**PUTRAJAYA**, 14 Mei. - Penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2024 (ST1 2024) dianggarkan berjumlah 34 juta, meningkat 2.3 peratus berbanding suku tahun pertama 2023 (ST1 2023) iaitu seramai 33.2 juta penduduk, menurut laporan perangkaan demografi bagi ST1 2024 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Jumlah penduduk terbabit merangkumi 30.6 juta (90 peratus) warganegara dan 3.4 juta (10 peratus) bukan warganegara.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dalam kenyataan hari ini berkata penduduk lelaki meningkat kepada 17.8 juta pada ST1 2024 daripada 17.4 juta (ST1 2023) manakala perempuan meningkat kepada 16.1 juta daripada 15.8 juta bagi tempoh yang sama.

"Secara keseluruhan, nisbah jantina penduduk adalah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala nisbah jantina bagi penduduk warganegara adalah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan," katanya.

Menurut Mohd Uzir penduduk Melayu menyumbang 57.9 peratus (17.7 juta) daripada jumlah penduduk pada ST1 2024 (ST1 2023: 17.6 juta) manakala penduduk Cina, bumiputera lain dan India masing-masing kekal pada 22.6 peratus, 12.2 peratus dan 6.6 peratus.

Pada ST1 2024 juga, beliau menyatakan jumlah kelahiran hidup merekodkan penurunan sebanyak 9.4 peratus atau 106,386 kelahiran berbanding 117,413 kelahiran pada ST1 2023.

Selangor mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 19,951 kelahiran (18.8 peratus) manakala jumlah kelahiran hidup terendah dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Labuan dengan 323 kelahiran.

Mengenai angka kematian, sebanyak 47,964 kematian telah direkodkan pada ST1 2024 dengan Selangor merekodkan angka tertinggi iaitu 7,730 kematian manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan bilangan kematian terendah dengan 68 kematian.

"Kumpulan umur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi iaitu 34,067 kematian (71 peratus), diikuti 41 hingga 59 tahun (19.8 peratus), 15 hingga 40 tahun (7 peratus) dan 0 hingga 14 tahun (2.2 peratus)," katanya. - ©BERNAMA

## 8 maut, puluhan cedera dalam runtuhan papan iklan di India

**NEW DELHI**, 14 Mei. - Sekurang-kurangnya lapan orang terbunuh dan berpuluh-puluh lagi cedera pada Isnin selepas papan iklan tumbang semasa cuaca buruk di ibu kota kewangan India, Mumbai.

Menurut polis, papan iklan besar itu jatuh lalu menghempap sebuah stesen minyak di pinggir timur bandar di Ghatkopar, mencederakan dan memerangkap puluhan orang.

Angka kematian dalam kejadian itu adalah lapan orang dan 70 yang lain cedera, lapor media tempatan.

Mumbai mengalami ribut kuat pada Isnin, menyebabkan beberapa kemalangan berlaku.

Seorang terbunuh dan seorang lagi cedera parah apabila sebuah dahan pokok menghempap sebuah kedai di kawasan Bandra.

Penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Chhatrapati Shivaji Maharaj (CSMIA) Mumbai terpaksa digantung lebih sejam akibat jarak penglihatan rendah dan angin kencang. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# SEKOLAH SUKAN MENDUDUKI TEMPAT PERTAMA DALAM BDSNSL



ANTARA aksi perlawanan bola jaring pada Kejohanan Bola Jaring Liga Super Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Schools Netball Super League – BDSNSL) 2024 (kiri dan kiri sekali).

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**SUNGAI AKAR**, Selasa, 14 Mei. – Pasukan Bola Jaring Sekolah Sukan terus mempertahankan kedudukan pada Kejohanan Bola Jaring Liga Super Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Schools Netball Super League – BDSNSL) 2024 setelah menumpaskan Pasukan Bola Jaring Sekolah Menengah Katok dengan jaringan 35 - 6.

Pada perlawanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM), Pasukan Bola Jaring Sekolah Sukan telah mendahului permainan dengan jaringan 13 - 3 pada suku masa pertama perlawanan.

Masuk suku masa kedua, Sekolah Sukan menambah lagi 11 jaringan menjadikan kedudukan 24 - 3 mata.

Meskipun Sekolah Menengah Katok berjaya menambah lagi tiga jaringan, namun Sekolah Sukan bijak mengatur strategi permainan dengan menambah enam lagi jaringan pada suku masa ketiga, menjadikan kedudukan 30 - 6.

Sekolah Sukan terus mendominasi permainan pada suku masa keempat setelah menambah lima lagi jaringan dan akhirnya memenangi perlawanan tersebut dengan jaringan 35 - 6.

Sementara itu pada perlawanan awal, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) tewas tipis kepada Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab dengan jaringan 19 - 20.

Dengan keputusan perlawanan tersebut, Sekolah Sukan menduduki tempat pertama dengan 14 mata, diikuti Sekolah Menengah Rimba dengan 10 mata di tempat kedua dan tempat ketiga disandang oleh SMPAPHM dengan lapan mata.

Dua lagi perlawanan akan diadakan pada 16 Mei ini, iaitu antara Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab dan Sekolah Menengah Menglait; dan antara Sekolah Menengah Seri Mulia Sarjana dan MSPSBS di Dewan Sekolah Menengah Awang Semaun.

# MSPSBS kutip 3 mata penuh

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS,** Isnin, 13 Mei. - Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) petang tadi membawa pulang tiga mata penuh setelah menang tipis ke atas Sekolah Menengah Rimba dengan keputusan 0 - 1 pada Kejohanan Liga Bola Sepak Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSFSL) 2024 yang berlangsung di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Berakas, di sini.

Perlawanan berkenaan menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, akan tetapi nasib lebih memihak kepada pasukan MSPSBS apabila Muhammad Eirfan Shafiz bin Mohammad Sofian menjaringkan gol pada minit ke-36 bagi pasukan MSPSBS.

Jaringan mata kekal 0 - 1 sehingga wasit meniupkan wisel penamat.

Sementara itu, pada perlawanan BDSFSL 2024 lain yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong, Sekolah Menengah Muda Hashim berjaya menumpaskan pasukan Sekolah Menengah Berakas dengan keputusan 0 - 2.

Gol bagi pasukan Sekolah Menengah Muda Hashim masing-masing dijaringkan oleh Muhammad Khairil Khusyairi bin Haji Zulkhairi dan Md. Amir Darwisy bin Abdul Rahman.

Kejohanan liga yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan FABD berkenaan, antara lain diadakan untuk mengenal pasti pelajar-pelajar yang berpotensi dan berbakat dalam sukan bola sepak untuk mewakili Pasukan Bola Sepak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MS SSBD) ke kejohanan-kejohanan pada peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan dan mengukuhkan rangkaian kerjasama antara institusi-institusi pendidikan dan agensi-agensi berkaitan dalam usaha menerapkan pendidikan melalui sukan bola sepak serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampan dalam memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua lapisan peringkat umur.



SEBAHAGIAN aksi pada Kejohanan Liga Bola Sepak Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSFSL) 2024 yang berlangsung di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Berakas.